


LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL OPERASI PENGURUSAN HUTAN DI NEGERI SELANGOR



2021



PERUTUSAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Pada zaman ini, aktiviti berkonsepkan '*Forest Beyond Timber Management*' mesti dipergiatkan dalam usaha mencipta hasil baharu daripada hutan. Untuk makluman, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara Hutan Simpanan Kekal (HSK) secara lestari. Di antara tugas yang dilaksanakan adalah seperti mengurus, mentadbir dan merancang kawasan hutan terutamanya HSK dengan mempertingkatkan dan mengekalkan jumlah HSK yang ada di Negeri Selangor, mengurus dan mempromosikan kawasan rekreasi/hutan lipur, mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan hutan ke atas membanteras kegiatan pembalakan haram serta memberikan kesedaran kepada umum terhadap kepentingan hutan.

Segala peraturan dan perundangan yang dipatuhi adalah berlandaskan Dasar Perhutanan Malaysia dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia 2021. Saya berharap laporan ini mampu berperanan sebagai sumber maklumat yang lengkap dan boleh difahami oleh pihak-pihak yang berkepentingan dan masyarakat. Maklumat ini diharapkan boleh membantu dan memberi gambaran khusus mengenai persepsi umum ke atas aktiviti pengurusan hutan di Selangor.

Saya mengalu-alukan sebarang cadangan, aduan dan maklum balas yang dapat membantu memperbaiki perkhidmatan JPNS. Akhir kata saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan JPNS yang amat komited dengan tugas dan tanggungjawab dalam menghasilkan laporan ini seterusnya menyokong misi dan wawasan jabatan sebagai satu agensi terunggul dalam menguruskan dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi Negeri dan Negara.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abd Majid
Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

PRAKATA

Aspek sosial merupakan antara perkara penting di dalam standard pensijilan pengurusan hutan iaitu Kriteria dan Petunjuk Bagi Pensijilan Hutan (MC&I) di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) yang dioperasikan oleh Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC). MC&I menetapkan bahawa pengurus Unit Pengurusan Hutan (FMU) perlu berunding dengan individu-individu dan kumpulan yang terjejas secara langsung akibat operasi pengurusan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal di FMU, dengan mengambil kira aspek sosial. Penilaian harus dilakukan kepada impak sosial akibat daripada operasi berkenaan dan keputusan penilaian tersebut diambil kira dan digabungkan di dalam perancangan dan amalan pengurusan FMU tersebut. Sehubungan dengan itu, MC&I juga memerlukan pengurus FMU bagi memantau keberkesanan tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan impak negatif atau meningkatkan impak positif sosial akibat daripada operasi hutan ke atas pihak yang terbabit. Di dalam konteks Semenanjung Malaysia, khususnya di Negeri Selangor, individu dan kumpulan yang mungkin lebih terjejas oleh operasi hutan adalah Orang Asli dan/atau masyarakat tempatan yang tinggal di dalam atau di pinggiran HSK.

Tujuan laporan ini disediakan adalah untuk memberi panduan dan membantu pengurus FMU dalam memperolehi input-input penting melalui penilaian impak sosial operasi pengurusan hutan untuk memenuhi keperluan MC&I. Kajian ini telah dilaksanakan oleh Stillgreen Recreation Sdn. Bhd. Yang melantik Profesor Dr Ahmad bin Shuib dari Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar di Universiti Putra Malaysia untuk mengetuai pasukan pelaksanaan projek ini.

Tujuan dokumen ini disediakan adalah untuk membantu dalam menjalankan Penilaian Impak Sosial (SIA) di peringkat makro atau lanskap bagi FMU Negeri Selangor. Penilaian impak sosial di peringkat makro biasanya akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada proses penyediaan atau penyemakan semula pelan pengurusan hutan bagi FMU berkenaan. Keputusan SIA di peringkat makro yang dilaksanakan dengan berpandukan dokumen ini akan memberi gambaran menyeluruh mengenai masyarakat yang mungkin terjejas oleh operasi pengurusan hutan di dalam FMU, impak-impak sosial yang utama, langkah-langkah pengurangan/peningkatan yang disyorkan dan prosedur-prosedur pemantauan. Maklumat dan tindakan ini akan disokong di peringkat operasi (peringkat lesen hutan) oleh Borang (Maklumat Kajian Impak Sosial Dalam Sektor Pembalakan) yang pada masa ini digunakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri bagi memantau impak sosial operasi pengusahaan (pra-pengusahaan, semasa pengusahaan, dan selepas pengusahaan).

Akhir kata, dokumen ini memberi penekanan kepada dua (2) operasi pengurusan hutan, iaitu pengusahasilan hutan dan pengubahan hutan, yang dijangka mempunyai impak sosial yang paling signifikan ke atas Orang Asli dan masyarakat tempatan.

JPNS berharap dengan adanya dokumen ini, serta pengalaman yang diperolehi semasa menggunakannya, ianya boleh ditambah baik oleh pengurus FMU di Negeri Selangor dengan pengubahsuaian yang bergantung kepada situasi semasa.

Sekalung penghargaan dirakamkan oleh pihak JPNS kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Pihak Daerah Tempatan, Penghulu Kampung dan NGOs yang terlibat di atas sokongan dan sumbangan mereka di dalam penyediaan dokumen ini.

YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abd Majid
Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

PENGHARGAAN

Para perunding dengan penuh keikhlasan menghargai pihak JPNS di atas pembiayaan projek serta di atas bantuan dan nasihat yang jitu semasa pembentukan laporan ini.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada Pihak Daerah Tempatan dan JAKOA di atas kerjasama yang diberikan, khususnya kepada pegawai di Daerah Hutan Hulu Selangor, Daerah Hutan Selangor Tengah dan Daerah Hutan Pantai Klang untuk mengatur jadual bagi menghadiri sesi perbincangan kumpulan berfokus yang bertujuan untuk menghasilkan data untuk dijadikan asas perumusan laporan ini.

Seterusnya, sepenuh penghargaan juga ditujukan kepada ketua kampung dan Tok Batin yang bertungkus lumus membantu di dalam penglibatan penduduk kampung dan Orang Asli di dalam survei atas talian.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pembantu penyelidik dan enumerator yang telah membantu dalam menjalankan kerja-kerja di lapangan.

**LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL
OPERASI PENGURUSAN HUTAN DI NEGERI SELANGOR**

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI PETA	xi
SENARAI LAMPIRAN	xi
SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan Penilaian Impak Sosial (SIA)	3
1.2 Konteks SIA	3
1.2.1 Kaitan Antara Operasi Pengurusan Hutan Dan Orang Asli/Komuniti Tempatan	3
1.2.2 Kaitan SIA Dengan Operasi Pengurusan Hutan	4
1.2.3 Carta Alir Pelaksanaan SIA	5
1.2.4 Skop SIA	6
1.3 Lokasi Kajian	6
1.4 Pernyataan Masalah Dan Justifikasi Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Signifikan Kajian	9
BAB 2 RINGKASAN EKSEKUTIF	
2.1 Ringkasan Eksekutif	13
BAB 3 LAPORAN SIA	
3.1 Pemula SIA Dan Perunding	17
3.1.1 Pengurus FMU	17
3.1.2 Perunding SIA	17
3.2 Profil Asas Sosioekonomi Dan Budaya	20
3.2.1 Maklumat Sosioekonomi Penduduk Bersempadanan Dengan HSK	21
3.2.2 Maklumat Sosioekonomi Orang Asli Bersempadanan Dengan HSK	28
3.2.3 Kebergantungan Penduduk Terhadap Sumber Hutan	33
3.2.4 Kebergantungan Orang Asli Terhadap Sumber Hutan	36
3.3 Penilaian Impak Sosial	38
3.3.1 Impak Sosial Terhadap Bekalan Dan Kualiti Air	38
3.3.2 Impak Sosial Terhadap Ekonomi Tempatan	42
3.3.3 Impak Sosial Terhadap Kehidupan Sosial	44
3.3.4 Pandangan Responden Terhadap Projek Konservasi/Pemuliharaan HSK	50
3.3.5 Kepentingan Ekopelancongan Dalam HSK	52

3.3.6	Kepuasan Responden Terhadap HSK	54
3.4	Analisis <i>Strengths, Weaknesses, Opportunities</i> Dan <i>Threats</i> (SWOT), Langkah-Langkah Mitigasi Dan Peningkatan	55
3.4.1	Analisis SWOT	55
3.4.2	Langkah-Langkah Mitigasi Dan Peningkatan	56
3.5	Cadangan Pemantauan Dan Penambahbaikan	60
3.5.1	Pemeliharaan HSK	60
3.5.2	Kerjasama Dengan Masyarakat Tempatan	60
3.5.3	Kerjasama Dengan Masyarakat Orang Asli	62
3.5.4	Kerjasama Dengan Pihak Berkuasa Tempatan	63
3.5.5	Langkah Pemantauan Yang Diperlukan	64
3.5.6	Pemantauan Kepatuhan	64
3.5.7	Pemantauan Impak	66
3.5.8	Teknik Pemantauan	66
3.5.9	Mengurus Impak Luar Jangka	67
3.6	Kesimpulan	67
	RUJUKAN	69
	LAMPIRAN	71

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Latar Belakang Penduduk Di Sekitar Kawasan HSK Di Selangor	23
Jadual 3.2	Latar Belakang Orang Asli Di Sekitar Kawasan HSK Di Selangor	30
Jadual 3.3	Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan	42
Jadual 3.4	Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan	42
Jadual 3.5	Persepsi Responden Terhadap Aktiviti Di HSK Menjejaskan Atau Tidak Pembekalan Hasil Hutan/Sungai Serta Peluang Ekopelancongan	43
Jadual 3.6	Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan	44
Jadual 3.7	Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan	44
Jadual 3.8	Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan	49
Jadual 3.9	Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan	49
Jadual 3.10	Kesan Positif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Sehari-hari	51
Jadual 3.11	Kesan Positif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Sehari-hari	51
Jadual 3.12	Kesan Negatif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Sehari-hari	52
Jadual 3.13	Kesan Negatif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Sehari-hari	52
Jadual 3.14	Persepsi Penduduk Tentang Kepentingan Ekopelancongan Dalam Hutan Simpan Dalam Kehidupan Harian Anda Dan Generasi Akan Datang	52

Jadual 3.15	Persepsi Orang Asli Tentang Kepentingan Ekopelancongan Dalam Hutan Simpan Dalam Kehidupan Harian Anda Dan Generasi Akan Datang	53
Jadual 3.16	Keterangan Penduduk Tentang HSK	54
Jadual 3.17	Keterangan Orang Asli Tentang HSK	54

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Proses SIA	5
Rajah 3.1	Pergantungan Terhadap HSK Terdekat Untuk Saraan Hidup Oleh Penduduk	34
Rajah 3.2	Aktiviti Ekonomi Penduduk Berkaitan Hutan	35
Rajah 3.3	Jarak Kediaman Penduduk Ke HSK	36
Rajah 3.4	Pergantungan Terhadap HSK Terdekat Untuk Saraan Hidup Oleh Orang Asli	37
Rajah 3.5	Aktiviti Ekonomi Orang Asli Berkaitan Hutan	37
Rajah 3.6	Jarak Kediaman Orang Asli Ke HSK	37
Rajah 3.7	Jenis Aktiviti Yang Dijalankan Di Kawasan Penduduk	38
Rajah 3.8	Jenis Aktiviti Yang Dijalankan Di Kawasan Orang Asli	38
Rajah 3.9	Kesan Yang Dialami Oleh Penduduk	39
Rajah 3.10	Kualiti Udara Dan Iklim Di Kawasan Penduduk	40
Rajah 3.11	Penjejasan Bekalan Air Disebabkan Aktiviti Pengurusan Hutan	40
Rajah 3.12	Kesan Alam Sekitar Yang Dialami Oleh Orang Asli	41
Rajah 3.13	Kualiti Udara Dan Iklim Di Kawasan Orang Asli	41
Rajah 3.14	Penjejasan Bekalan Air Disebabkan Aktiviti Pengurusan Hutan	42
Rajah 3.15	Cara Bagaimana Maklumat Tawaran Pekerjaan Hutan Sampai Kepada Penduduk	43
Rajah 3.16	Cara Bagaimana Maklumat Tawaran Pekerjaan Hutan Sampai Kepada Orang Asli	43
Rajah 3.17	Kesan Perubahan Disebabkan Jalan Balak Terhadap Penduduk	45

Rajah 3.18	Aktiviti Di Sekitar Hutan Simpan Menjejaskan Atau Tidak Terhadap Komuniti Penduduk Tempatan	46
Rajah 3.19	Perolehan Pengetahuan Oleh Orang Luar Menguntungkan Responden	46
Rajah 3.20	Kemahiran Yang Diperolehi Oleh Responden Melalui Aktiviti Pembalakan Hutan Simpan	47
Rajah 3.21	Pendapat Responden Tentang Kesan Aktiviti Perhutanan Ke Atas Keindahan Hutan	47
Rajah 3.22	Kesan Perubahan Disebabkan Jalan Balak Terhadap Orang Asli	48
Rajah 3.23	Pendapat Orang Asli Tentang Kesan Aktiviti Perhutanan Ke Atas Keindahan Hutan	48
Rajah 3.24	Kesan Aktiviti Ke Atas Tanah Komuniti Orang Asli	49
Rajah 3.25	Kesedaran Penduduk Terhadap Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Dengan Penempatan	50
Rajah 3.26	Kesan Kewujudan Persekitaran HSK Yang Bersempadanan Dengan Penempatan Penduduk	50
Rajah 3.27	Kesedaran Orang Asli Terhadap Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Dengan Penempatan	50
Rajah 3.28	Analisis SWOT	55

SENARAI PETA

Peta 1.1	Peta HSK Negeri Selangor	6
----------	--------------------------	---

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Borang Soal Selidik	73
Lampiran 2	Profil Sosioekonomi Penduduk	86
Lampiran 3	Penilaian Impak Sosial Pengurusan Hutan (Penduduk)	91
Lampiran 4	Impak Pembangunan Ekopelancongan (Penduduk)	102
Lampiran 5	Profil Sosioekonomi Orang Asli	108
Lampiran 6	Penilaian Impak Sosial Pengurusan Hutan (Orang Asli)	112
Lampiran 7	Impak Pembangunan Ekopelancongan (Orang Asli)	118
Lampiran 8	Pandangan Terhadap Projek Konservasi/ Pemuliharaan HSK (Orang Asli)	119
Lampiran 9	Senarai Pihak Berkepentingan Yang Terlibat Bagi FGD Secara Dalam Talian	122

SINGKATAN

CCT	Catuan Tebangan Tahun
cm	<i>Centimeter</i>
CTT	Catuan Tebangan Tahunan
EAPN	Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara
EIA	<i>Environmental Impact Assessment</i>
FGD	Kumpulan Perbincangan Fokus
FMU	<i>Forest Management Unit</i>
GEC	<i>Global Environment Centre</i>
ha	Hektar
HS	Hutan Simpan
HSK	Hutan Simpanan Kekal
IADA	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains
JPNS	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KDCF	Kota Damansara <i>Community Forest Reserve</i>
LUAS	Lembaga Urus Air Selangor
MC&I	<i>Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification</i>
MNS	Persatuan Pencinta Alam Malaysia
MTCS	Skim Pensijilan Kayu Malaysia
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NTFP	hasil hutan bukan kayu
PEKA	Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia
PHSB	Pengurusan Hutan Secara Berkekalan
PKPS	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor
PMR	Penilaian Menengah Rendah
RIL	pembalakan dengan kesan rendah
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas
RMKe-13	Rancangan Malaysia Ketiga Belas
RPH	Rancangan Pengurusan Hutan
SIA	Penilaian Impak Sosial
SGDs	<i>Sustainable Development Goals</i>
SMS	<i>Selective Management System</i>
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SWOT	<i>Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats</i>



BAB

PENGENALAN

**LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL
OPERASI PENGURUSAN HUTAN
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**



1.1 Pengenalan Penilaian Impak Sosial (SIA)

Kajian SIA dilaksanakan untuk mengenalpasti, menilai, meramal dan menyampaikan maklumat berkaitan impak yang bakal dihadapi apabila sesuatu projek dilaksanakan. SIA juga dapat mengemukakan cadangan untuk mengelak atau mengurangkan impak negatif yang diterima disamping memberi langkah untuk mempertingkatkan impak yang positif. Komuniti yang menjadi sasaran SIA adalah penduduk tempatan dan Orang Asli dimana mereka menerima impak secara langsung daripada operasi pengurusan hutan. Perbincangan juga turut diadakan bersama penerima impak secara tidak langsung bagi mendengar pendapat serta cadangan mereka.

1.2 Konteks SIA

1.2.1 Kaitan Antara Operasi Pengurusan Hutan Dan Orang Asli/Komuniti Tempatan

Operasi pengurusan hutan merupakan satu aktiviti yang dijalankan di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di mana aktiviti tersebut akan memberi kesan kepada ekonomi, alam sekitar dan sosial. Hutan memainkan peranan sebagai pelindung dan pengekal untuk kestabilan alam sekitar dan menjadi sesuatu yang penting khususnya kepada Orang Asli dan komuniti tempatan. Oleh itu, setiap aktiviti yang dilaksanakan perlulah mematuhi kepada keperluan seperti pembalakan dengan impak rendah (RIL) di semua jenis kawasan hutan pengeluaran kayu dengan memberi komitmen terhadap penggunaan kayu secara maksimum dan meminimumkan sisa bagi mengurangkan kerosakan terhadap alam sekitar.

Di pinggir HSK, kebiasaannya diduduki oleh komuniti tempatan dan perkampungan Orang Asli berada di dalam hutan atau di pinggir HSK. Kebanyakan komuniti Orang Asli melakukan aktiviti ekonomi di hutan bagi menyara hidup dan tujuan sosiobudaya seperti mengumpul hasil hutan, memburu dan membina tempat pengebumian. Selain itu, masih ramai komuniti Orang Asli dan tempatan bergantung kepada bekalan air dari HSK untuk tujuan kegunaan harian atau pertanian.

Setiap aktiviti yang dijalankan di HSK boleh memberikan kesan positif dan negatif kepada komuniti Orang Asli dan tempatan. Antara kesan positif yang diterima oleh komuniti tersebut adalah peluang pekerjaan, menjalankan perniagaan dan penambahbaikan bagi jalan masuk kampung manakala terdedah kepada pelbagai pencemaran, kemusnahan kawasan pertanian, kawasan buah-buahan dan tempat pengebumian merupakan kesan negatif yang perlu dihadapi.

1.2.2 Kaitan SIA Dengan Operasi Pengurusan Hutan

MC&I telah mengiktiraf kepentingan SIA terhadap operasi pengurusan hutan seperti yang dinyatakan dalam Prinsip 4 iaitu operasi-operasi pengurusan hutan mesti mengekalkan atau menambah kesejahteraan sosial dan ekonomi pekerja-pekerja hutan dan masyarakat tempatan untuk jangka masa panjang. Prinsip 8 menetapkan pemantauan mesti dijalankan bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan hutan.

Kriteria 4.4

Perancangan dan operasi-operasi pengurusan mesti mengambilkira hasil penilaian impak sosial. Rundingan dengan orang dan kumpulan-kumpulan (lelaki dan perempuan) yang menerima kesan secara langsung oleh operasi pengurusan harus dikekalkan.

• Petunjuk 4.4.1

- Pengurus-pengurus hutan mesti menilai melalui rundingan, impak sosial operasi pengurusan hutan secara langsung ke atas masyarakat, dan pihak yang terjejas secara langsung daripada operasi-operasi hutan hendaklah diberi akses kepada maklumat mengenai hasil penilaian impak sosial.

• Petunjuk 4.4.2

- Perancangan dan amalan pengurusan hutan hendaklah mengambil kira dan menggabungkan hasil-hasil penilaian yang dijalankan.

Kriteria 8.1

Kekerapan dan intensiti pemantauan hendaklah ditetapkan berdasarkan kepada skala dan intensiti operasi pengurusan hutan serta tahap kompleksiti dan kerapuhan alam sekitar yang terlibat. Prosedur-prosedur pemantauan hendaklah konsisten dan boleh diulangi sepanjang masa untuk membolehkan perbandingan ke atas hasil-hasil dan penilaian perubahan yang berlaku.

• Petunjuk 8.1.2

- Pengurus-pengurus hutan hendaklah mematuhi prosedur-prosedur pemantauan yang sesuai, mengikut garis panduan persekutuan dan negeri yang berkaitan daripada Jabatan Perhutanan dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

1.2.3 Carta Alir Pelaksanaan SIA

Proses pengendalian SIA dengan carian penerbitan untuk mengumpul maklumat berkenaan komuniti Orang Asli/tempatan di dalam dan di pinggir HSK yang bertujuan untuk mengetahui latar belakang, profil sosioekonomi, budaya, dan infrastruktur komuniti. Bilangan komuniti dipilih secara rawak. Survei dijalankan bagi menghasilkan data yang diperlukan untuk penilaian impak sosial menggunakan borang soal selidik.

Proses SIA diringkaskan di bawah dan ditunjukkan dalam **Rajah 1.1**:

- i. Carian penerbitan ke atas komuniti di dalam dan pinggir HSK:
 - a. Bilangan dan lokasi;
 - b. Latar belakang;
 - c. Profil sosioekonomi dan budaya; dan
 - d. Infrastruktur komuniti.
- ii. Pemilihan komuniti untuk ditemubual;
- iii. Mengendalikan temubual atas talian termasuklah temubual melalui *Google Meet*;
- iv. Menganalisis data untuk mengenalpasti impak-impak sosial;
- v. Menenalpasti dan menentukan langkah-langkah mitigasi dan peningkatan;
- vi. Pemantauan pematuhan, impak mitigasi serta peningkatan; dan
- vii. Menguruskan impak luar jangka.




Rajah 1.1: Proses SIA

1.2.4 Skop SIA

Dalam garis panduan ini, skop SIA akan meliputi latar belakang pematuhan *Forest Management Unit* (FMU) dengan peraturan yang relevan dengan keperluan MC&I terutamanya mengenai kesan sosial pengurusan hutan.

1.3 Lokasi Kajian

Pada tahun 2020, negeri Selangor mempunyai keluasan HSK sebanyak 263,820.93 ha yang meliputi 33% dari luas tanahnya yang berjumlah lebih kurang 792,116.09 ha (JPNS, 2021). Oleh itu, penduduk tempatan dan Orang Asli yang berada berhampiran hutan dalam lingkungan 5 km telah dipilih untuk disoal jawab. Hutan-hutan yang terlibat ini terletak di daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Klang, Petaling, Kuala Langat, Gombak dan Sepang. Hampir keseluruhan mukim di daerah tersebut telah dipilih untuk menjalankan kajian.



Peta 1.1: Peta HSK Negeri Selangor

1.4 Pernyataan Masalah Dan Justifikasi Kajian

Memang tidak dapat dinafikan bahawa hutan memainkan pelbagai peranan penting untuk menjamin kesejahteraan hidup manusia sejagat. Hutan bukan semata-mata menghasilkan sumber kayu balak untuk memenuhi permintaan sektor industri berasas kayu, malahan hutan berperanan dalam mengekalkan kestabilan alam sekitar. Pengurusan dan pembangunan hutan di negeri Selangor secara berkekalan amat penting dalam memastikan khazanah hutan di negeri Selangor kekal memainkan peranan sebagai pelindung dan pengekal untuk kestabilan alam sekitar serta menjadi nadi kesejahteraan hidup terutamanya kepada rakyat negeri Selangor.

Selain sumbangan hutan terhadap kestabilan alam sekitar, hutan juga memberi sumbangan terhadap barangan dan perkhidmatan telah sekian lama dimanfaatkan oleh masyarakat sama ada secara sedar atau tidak. Hutan bukan sahaja memainkan peranan penting sebagai pembekal bahan-bahan mentah untuk menyokong pembangunan sektor industri berasaskan hutan, malah pada waktu yang sama merupakan gedung sumber genetik yang kaya serta cukup penting untuk penambahbaikan baka pelbagai tanaman pertanian dan haiwan ternakan. Fungsi perlindungan hutan ini terus bertambah penting sejak kebelakangan ini kerana ia juga merupakan takungan karbon yang amat efektif bagi mengurangkan pelepasan karbon di atmosfera dan kesan rumah kaca.

Tahun 2021 merupakan tahun pertama RMKe-12 dan Kerajaan Negeri Selangor telah menerapkan Aspirasi Smart Selangor sehingga 2025 yang menetapkan negeri Selangor bercita-cita menjadi sebuah Negara Pintar yang dinamik, ekonomi, kaya dengan budaya dan penyayang. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri Selangor komited untuk mengekalkan dan mewartakan sekurang-kurang 30% kawasan tanah negeri sebagai HSK. Keupayaan negeri Selangor pada masa ini dalam menambah keluasan HSK adalah melalui penggantian, penyiasatan awam dan moratorium sekaligus telah menjadikan negeri Selangor antara salah sebuah negeri yang mempunyai peratusan kehilangan hutan (forest loss) yang terendah berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Pencapaian ini bukanlah satu perkara mudah malahan ia adalah hasil usaha gigih komitmen Kerajaan Negeri yang disokong penuh oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri di sektor awam, khususnya JPNS dan agensi-agensi kerajaan Negeri lain yang berkaitan, serta kerjasama padu sektor swasta, badan-badan profesional dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Dalam konteks ini, fungsi perkhidmatan hutan seperti perlindungan biodiversiti flora dan fauna, pembekalan air yang mencukupi, perkhidmatan hutan lain seperti perlindungan tanah dan penjanaan kekayaan baru menerusi hasil hutan bukan kayu (NTFP), ekopelancongan dan inisiatif pembayaran perkhidmatan ekosistem berasaskan hutan akan menjadi lebih menonjol dalam Dokumen Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) Selangor 2021–2030. Sementara itu, penyediaan Dokumen RPH Negeri Selangor 2021–2030 turut mengambil kira kepentingan pensijilan pengurusan hutan di bawah Malaysian Timber Certification Scheme berdasarkan Kriteria dan Indikator Malaysia untuk Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) akan diteruskan. Hal ini amat penting sebagai pengukur prestasi Pengurusan Hutan di negeri Selangor adalah berpandukan *Best Forest Practise* dan dapat mengukuhkan lagi keyakinan orang awam tentang PHSB yang diamalkan di negeri Selangor.

Setelah 10 tahun Selangor mengamalkan Dasar Moratorium ke atas pembalakan, operasi pengurusan hutannya telah mengalami beberapa perubahan. Fungsi dan peranan Jabatan sebelum ini lazimnya bertumpu kepada pengusahasilan kayu hutan. Namun, pada masa kini Jabatan telah menumpukan kepada NTFP, ekopelancongan dan industri hiliran yang lain. Situasi ini umumnya menjadikan keunikan dalam aktiviti pengurusan hutan di Selangor seterusnya membantu negeri Selangor mencapai aspirasi untuk menjadi sebuah negeri yang pintar, berdaya huni dan lestari.

Oleh itu, kajian ini penting untuk mengenal pasti kesan pengurusan hutan kepada masyarakat setempat. Melalui pengenalpastian impak sosial, ini akan membantu mengurangkan impak sosial dan sebagai jalan ke hadapan bagi JPNS untuk menambah baik pengurusan hutan pada masa hadapan.

1.5 Objektif Kajian

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan untuk menyediakan maklumat asas untuk tujuan Kajian Penilaian Impak Sosial Operasi Pengurusan HSK di Negeri Selangor.

Objektif khusus kajian ini adalah:

- a. Menyediakan tinjauan kepustakaan (literature review) dari kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan ekonomi, perhutanan, ekopelancongan, kewangan dan lain-lain untuk mendapatkan maklumat asas, penemuan-penemuan kajian, ketetapan dasar dan lain-lain;

- b. Membuat penilaian ke atas dokumen Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2021-2030 dan lain-lain dokumen pengurusan yang berkaitan;
- c. Untuk mengenalpasti, meramal, menilai dan menyampaikan maklumat berkaitan dan mencadangkan langkah-langkah mitigasi yang perlu diambil bagi mencapai matlamat dan objektif Laporan Penilaian Impak Sosial yang telah ditetapkan.

1.6 Signifikan Kajian

Kawasan hutan tropika yang kompleks terdiri daripada hutan bukit, hutan paya gambut dan hutan paya laut telah menutupi sebahagian besar bahagian tengah Semenanjung Malaysia. Hutan-hutan ini bukan sahaja penting dan kaya dari aspek biologi, tetapi juga mempunyai fungsi ekologi lain seperti kawasan tadahan air, perlindungan hidupan liar dan sumber makanan kepada sebahagian masyarakat orang asli. Pada masa ini, pengurusan hutan kebanyakan memberi impak yang positif terhadap komuniti setempat tetapi disebabkan berlaku aktiviti-aktiviti seperti pengkuarian, pelancongan, pertanian dan pembalakan sedikit sebanyak akan menjejaskan hutan. Habitat hutan juga semakin terancam kerana terdapat kawasan hutan telah diterokai untuk penggunaan lain dan secara tidak langsung kawasan hutan yang selebihnya bakal terdedah kepada ancaman dan tekanan pembangunan yang lebih pesat.

Kepelbagaian biologi dan ekosistem memberi faedah untuk kesejahteraan manusia dari segi keselamatan dan pertumbuhan ekonomi. Ia juga termasuk pembekalan sumber makanan, air bersih, perkhidmatan rekreasi dan pengawalan iklim. Namun begitu, sumber hutan menjadi semakin terhad dan oleh itu pihak JPNS perlu mengenal pasti strategi untuk pengurusan hutan yang lebih baik dan teratur.

Antara strategi yang akan dilaksanakan ialah memperkukuhkan kedudukan kawasan HSK dan merumuskan RPH Negeri dan Rancangan Kerja Hutan Daerah untuk jangka masa panjang serta melaksanakan tugas pengurusan sumber hutan secara teratur dan intensif. Selain itu, Melaksanakan operasi pengusahaan hutan mengikut Amalan *Selective Management System* (SMS) secara sistematik dan terkawal demi untuk mengurangkan kerosakan terhadap dirian tinggal serta anak-anak benih dan mengawal keseimbangan ekologi serta kestabilan alam sekitar dengan melaksanakan pengusahaan hutan mengikut Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang telah ditetapkan.

Pelaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan hutan secara berkesan dan intensif berdasarkan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (EAPN) 1985, Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1987, Kaedah-Kaedah

Hutan 1988 dan Kaedah Industri Berasas Kayu 1990 serta melengkapkan pasukan atau unit penguatkuasaan dengan alat-alat kemudahan dan kemahiran di dalam melaksanakan tanggungjawab penguatkuasaan.

Oleh itu, tindakan segera perlu diambil melalui penguatkuasaan hutan. Ia amat diperlukan untuk pengurusan hutan yang baik, pemuliharaan, memanfaatkan kepelbagaian biologi dan ekosistem yang lestari serta penggunaan kewangan yang lebih cekap dalam program kepelbagaian biologi yang sedia ada. Kesedaran pemahaman mengenai nilai kepelbagaian biologi, perkhidmatan ekosistem dan penilaian impak sosial di kalangan pihak berkepentingan yang disasarkan termasuk agensi kerajaan, swasta, masyarakat sivil, komuniti tempatan perlu dilaksanakan dengan berkesan.

Dari segi dasar, JPNS boleh tingkatkan lagi kerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan negeri di Selangor dalam usaha pengurusan hutan yang lebih baik. Kajian ini dapat menyokong pembentukan bersama platform pihak berkepentingan dengan menganjurkan penglibatan langsung sektor swasta, masyarakat awam dan masyarakat tempatan dalam operasi pengurusan HSK.



2

BAB

RINGKASAN EKSEKUTIF

LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL
OPERASI PENGURUSAN HUTAN
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN




2.1 Ringkasan Eksekutif

Dokumen ini secara amnya telah disediakan oleh pasukan perunding Stillgreen Recreation Sdn. Bhd. yang merangkumi sembilan (9) orang, empat (4) daripadanya merupakan pensyarah di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia, dan lima (5) orang pembantu penyelidik. Pasukan ini telah diperkenalkan dengan kaedah metodologi yang digariskan di dalam Buku Garis Panduan dan Prosedur Untuk Penilaian dan Pemantauan Impak Sosial Operasi Pengurusan Hutan (Semenanjung Malaysia) yang dikarang oleh Profesor Mohd Basri dan Dr Zahid Emby dari Universiti Putra Malaysia.

Di negeri Selangor, beberapa kawasan di Daerah Gombak, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Klang, Hulu Langat dan Petaling telah diramalkan mengalami impak sosial yang ketara. Namun begitu, satu kajian impak sosial telah diadakan untuk mengenalpasti jenis-jenis impak sosial di kawasan yang disenaraikan di atas. Berdasarkan penggunaan data dan maklumat sekunder daripada pihak JPNS dan agensi yang berkaitan, impak sosial dinilai. Data dan maklumat sekunder ini dilengkapi dengan data primer perolehan bancian sampel penduduk dan Orang Asli secara atas talian di kawasan yang terlibat. Data dan maklumat ini dianalisis untuk menghasilkan perbincangan impak positif dan negatif kesan operasi pengurusan hutan di negeri Selangor.

Secara umumnya, masyarakat tempatan yang terlibat di kawasan kajian berpuas hati dengan tindakan FMU untuk mengatasi masalah impak sosial sama ada negatif mahupun positif. Tumpuan penilaian diberikan ke atas impak sosial Hutan Simpanan Kekal (HSK) dari segi ekonomi, alam sekitar dan sosial. Beberapa aktiviti operasi pengurusan hutan dicerap daripada bancian yang dijalankan seperti aktiviti pengusahasilan dan pengkuarian, serta aktiviti ekopelancongan. Masyarakat tempatan bersetuju bahawa kewujudan persekitaran HSK yang bersempadanan dengan penempatan mereka memberi impak positif dalam memperkenalkan kebudayaan setempat serta kawasan mereka maju sebagai tempat ekopelancongan. Namun begitu, kesan negatif seperti kekurangan tanah untuk pertanian juga dikenalpasti.

Impak-impak positif mendominasi senario operasi pengurusan hutan berbanding dengan impak negatif yang menggambarkan kesan dan pengaruh baik kepada kualiti kehidupan penduduk yang sedia ada dan yang akan datang. Oleh itu, kaedah mitigasi yang cekap amat menyumbang kepada penghasilan impak-impak positif ini.





3

BAB

LAPORAN SIA

**LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL
OPERASI PENGURUSAN HUTAN
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**



3.1 Pemula SIA Dan Perunding

Kajian SIA ini dijalankan oleh JPNS melalui bantuan syarikat perunding Stillgreen Recreation.

3.1.1 Pengurus FMU

Nama : YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abd Majid
Jawatan : Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
Alamat : Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
Tingkat 3
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40660 Shah Alam, Selangor
No. Perhubungan : 03-55447 489

3.1.2 Perunding SIA

Ketua Perunding

Nama : Azamil bin Abdullah
Kepakaran : Perancangan Pembangunan, Ekopelancongan,
Perhutanan dan Biodiversiti
Alamat : Stillgreen Recreation
No 29-3, Dataran Mutiara
Jalan 7/4, Taman Serdang Jaya
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
No. Perhubungan : 019-3742005

Ahli – Ahli Perunding

Nama : Professor Dr. Ahmad bin Shuib
Kepakaran : Ekonomi Sumber Asli dan Ekonomi Kewangan
No. Perhubungan : 012-3095925

Nama : Professor Dr. Sridar Ramachandran
Kepakaran : Perhutanan, Pemasaran, Promosi dan
Pembangunan Produk
No. Perhubungan : 016-3208498

Nama : Professor Madya Dr. Syamsul Herman
Mohammad Afandi
Kepakaran : Ekopelancongan, Sosioekonomi dan Pengurusan
Ekonomi Rekreasi
No. Perhubungan : 019-2358775

Nama : Dr. Cheah Chan Fatt
Kepakaran : Statistik untuk Alam Sekitar dan Ekonomi
No. Perhubungan : 016-6239932

Nama : Wan Attieyyah Rahman binti Wan Azman
Kepakaran : Ekopelancongan
No. Perhubungan : 018-3638016

PERUNDING SIA



**AZAMIL BIN
ABDULLAH**

Tersandangan,
Pembangunan
Ekopelancongan
Perhutanan dan Biodiversiti



**PROF DR
AHMAD
BIN SHUIB**

Ekonomi Sumber Asli dan
Ekonomi Kewangan



**PROF
MADYA DR
SYAMSUL
HERMAN**

Ekopelancongan, Basah-
Ekonomi dan Pengurusan
Ekonomi Rekreasi



**PROF DR
SRIDAR
RAMACHA
NDRAN**

Perhutanan, Pemasaran,
Promosi dan Peribadikan
Produk



**DR CHEAH
CHAN
FATT**

Statistik untuk Alam
Sakitar dan Ekonomi



**WAN
ATIEYYAH
RAHMAN**

Ekopelancongan

3.2 Profil Asas Sosioekonomi Dan Budaya

Profil Asas Sosioekonomi dan Budaya

Profil asas sosioekonomi dan budaya masyarakat setempat adalah seperti di bawah :

Lokasi Komuniti (Daerah)

Masyarakat yang terlibat di dalam kajian ini dibahagi mengikut beberapa kawasan di dalam daerah iaitu Daerah Gombak, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Klang, Hulu Langat dan Petaling



Infrastruktur Komuniti

Rumah kediaman masyarakat tempatan dibina dengan konkrit. Kemudahan jalan raya disediakan dan kereta serta motosikal menjadi pengangkutan utama masyarakat tempatan, selain daripada pengangkutan awam yang lain

Hasil banciaan atas talian mendapati masyarakat tempatan menjadikan HSK di kawasan penempatan mereka sebagai kawasan riadah untuk mengamalkan aktiviti rekreasi

Orang Asli, khususnya masih menjadikan HSK sebagai lokasi mereka mendapatkan sumber makanan seperti buluh, rotan, tumbuhan dan herba ubatan

Profil Sosioekonomi dan Budaya Ahli Komuniti

Masyarakat tempatan yang tinggal majoriti masih mempunyai kebergantungan terhadap hasil hutan



Penggunaan Tanah

Jenis aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat tempatan di kawasan FMU termasuklah aktiviti ekopelancongan, penanaman kelapa sawit, pertanian, penternakan ikan, pengkuarian dan pengusahasaan



3.2.1 Maklumat Sosioekonomi Penduduk Bersempadanan Dengan HSK

Seramai 243 orang responden di kalangan penduduk di sekitar kawasan HSK di Selangor telah ditemubual. Kesemua maklumat demografi responden ditunjukkan pada **Jadual 3.1**. Majoriti 190 orang responden (74.90%) adalah lelaki. Kebanyakan responden berumur dalam lingkungan 36 - 50 tahun. Majoriti 214 responden (66.90%) menghabiskan pendidikan di sekolah menengah (Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)). Sebanyak 87.24% daripada responden telah berkahwin dan hampir kesemua responden berbangsa melayu (93%) dan beragama islam (94.65%). Sebahagian besar responden yang bekerja (42.39%) dan majoriti responden iaitu seramai 69 orang (28.40%) berpendapatan bulanan di antara RM1,001.00-RM1,500.00 sebulan manakala kebanyakan pendapatan isi rumah responden (21.81%) adalah melebihi RM5000. Seramai 227 orang responden (54.83%) menggunakan konkrit sebagai bahan utama untuk kediaman dan majoriti responden memiliki kereta sebagai kenderaan (48.00%) diikuti dengan motosikal (33.77%).

Maklumat Sosioekonomi Penduduk Bersempadanan Dengan HSK



Majoriti responden yang ditemubual adalah lelaki, seramai 190 orang (74.90%) dan berumur di dalam lingkungan 36 hingga 50 tahun



Majoriti responden seramai 214 orang (66.90%) menghabiskan pendidikan di sekolah menengah Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)



87.24% daripada responden telah berkahwin dan hampir kesemua responden berbangsa Melayu (93.00%) dan beragama Islam (94.65%)



Sebahagian responden adalah dari golongan yang bekerja (42.39%) dan majoriti responden iaitu seramai 69 orang (28.40%) berpendapatan bulanan di antara RM1,001 hingga RM1,500 sebulan









Seramai 227 orang responden (54.83%) telah menggunakan konkrit sebagai bahan utama untuk kediaman dan majoriti memiliki kereta sebagai kenderaan (48.00%)



Kebanyakan pendapatan isi rumah responden (21.81%) adalah melebihi RM5,000

Jadual 3.1: Latar Belakang Penduduk Di Sekitar Kawasan HSK Di Selangor

Demografi				
Jantina	 <p>Lelaki 78.20%</p>	 <p>Perempuan 21.80%</p>		
	Peratus (%)			
	Lelaki	78.20		
Perempuan	21.80			
Jumlah	100.00			
Status Perkahwinan	 <p>Bujang 9.50%</p>		 <p>Berkahwin 87.20%</p>	
			 <p>Ibu/Bapa tunggal 3.30%</p>	
	Peratus (%)			
	Bujang	9.50		
	Berkahwin	87.20		
Ibu/Bapa tunggal	3.30			
Jumlah	100.00			
Tahap Pendidikan				
	Peratus (%)			
	Tiada pendidikan formal	0.80		
	Sekolah rendah	2.50		
	Sekolah Menengah (SRP, PMR, SPM)	45.70		
	Institusi kemahiran (Sijil)	9.47		
	Kolej dan Universiti (Diploma, Ijazah, Ijazah Lanjutan)	39.90		
Lain-lain pendidikan	1.70			
Jumlah	100.00			

Demografi	
Etnik	<p>A pie chart illustrating the ethnic composition. The largest segment is Melayu at 93%, followed by Orang asli at 3%, Cina at 2%, India at 1%, and Lain-lain at 1%.</p>
	Peratus (%)
	Orang asli 1.20 Melayu 93.00 Cina 3.30 India 1.70 Lain-lain 0.80
	Jumlah 100.00
Agama	<p>A donut chart showing the religious distribution. Islam is the dominant religion at 67%, followed by Animisme at 29%, Buddha at 3%, and Hindu at 1%.</p>
	Peratus (%)
	Islam 94.60 Kristian 0.00 Buddha 3.30 Hindu 1.70 Animisme 0.40 Lain-lain 0.00
	Jumlah 100.00

Demografi														
Umur (Tahun)	<p>Peratus</p> <p>Tahun</p>													
	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Peratus (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>< 22</td> <td>0.40</td> </tr> <tr> <td>22 - 35</td> <td>14.40</td> </tr> <tr> <td>36 - 50</td> <td>42.80</td> </tr> <tr> <td>51 - 65</td> <td>39.10</td> </tr> <tr> <td>>65</td> <td>3.30</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table>		Peratus (%)	< 22	0.40	22 - 35	14.40	36 - 50	42.80	51 - 65	39.10	>65	3.30	Jumlah
	Peratus (%)													
< 22	0.40													
22 - 35	14.40													
36 - 50	42.80													
51 - 65	39.10													
>65	3.30													
Jumlah	100.00													
Pekerjaan	<p>Bekerja Sendiri 34%</p> <p>Bekerja 42%</p> <p>Tidak bekerja 13%</p> <p>Pecen 11%</p>													
	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Peratus (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tidak bekerja</td> <td>42.40</td> </tr> <tr> <td>Pegawai kerajaan</td> <td>11.10</td> </tr> <tr> <td>Pegawai swasta</td> <td>12.40</td> </tr> <tr> <td>Petani</td> <td>34.10</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table>		Peratus (%)	Tidak bekerja	42.40	Pegawai kerajaan	11.10	Pegawai swasta	12.40	Petani	34.10	Jumlah	100.00	
	Peratus (%)													
Tidak bekerja	42.40													
Pegawai kerajaan	11.10													
Pegawai swasta	12.40													
Petani	34.10													
Jumlah	100.00													

Demografi																		
Pendapatan Bulanan Responden (RM)																		
	Peratus (%)																	
	<table border="1"> <tbody> <tr> <td><RM501</td> <td>14.80</td> </tr> <tr> <td>RM501-RM1,000</td> <td>9.50</td> </tr> <tr> <td>RM1,001-RM1,500</td> <td>28.40</td> </tr> <tr> <td>RM1,501-RM2,000</td> <td>9.10</td> </tr> <tr> <td>RM2,001-RM2,500</td> <td>8.60</td> </tr> <tr> <td>RM2,501-RM3,000</td> <td>9.90</td> </tr> <tr> <td>RM3,001-RM5,000</td> <td>11.10</td> </tr> <tr> <td>>RM5,000</td> <td>8.60</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table>	<RM501	14.80	RM501-RM1,000	9.50	RM1,001-RM1,500	28.40	RM1,501-RM2,000	9.10	RM2,001-RM2,500	8.60	RM2,501-RM3,000	9.90	RM3,001-RM5,000	11.10	>RM5,000	8.60	Jumlah
<RM501	14.80																	
RM501-RM1,000	9.50																	
RM1,001-RM1,500	28.40																	
RM1,501-RM2,000	9.10																	
RM2,001-RM2,500	8.60																	
RM2,501-RM3,000	9.90																	
RM3,001-RM5,000	11.10																	
>RM5,000	8.60																	
Jumlah	100.00																	
Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)																		
	Peratus (%)																	
	<table border="1"> <tbody> <tr> <td><RM501</td> <td>3.30</td> </tr> <tr> <td>RM501-RM1,000</td> <td>7.00</td> </tr> <tr> <td>RM1,001-RM1,500</td> <td>16.00</td> </tr> <tr> <td>RM1,501-RM2,000</td> <td>11.50</td> </tr> <tr> <td>RM2,001-RM2,500</td> <td>9.10</td> </tr> <tr> <td>RM2,501-RM3,000</td> <td>12.80</td> </tr> <tr> <td>RM3,001-RM5,000</td> <td>20.20</td> </tr> <tr> <td>>RM5,000</td> <td>21.80</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table>	<RM501	3.30	RM501-RM1,000	7.00	RM1,001-RM1,500	16.00	RM1,501-RM2,000	11.50	RM2,001-RM2,500	9.10	RM2,501-RM3,000	12.80	RM3,001-RM5,000	20.20	>RM5,000	21.80	Jumlah
<RM501	3.30																	
RM501-RM1,000	7.00																	
RM1,001-RM1,500	16.00																	
RM1,501-RM2,000	11.50																	
RM2,001-RM2,500	9.10																	
RM2,501-RM3,000	12.80																	
RM3,001-RM5,000	20.20																	
>RM5,000	21.80																	
Jumlah	100.00																	

Demografi															
Bahan Binaan Utama Untuk Kediaman	<p>A bar chart showing the percentage of respondents for main building materials. The y-axis is labeled 'Peratus' and ranges from 0 to 60. The x-axis categories are Konkrit, Kayu, Buluh, and Lain-lain. The bars are colored yellow, green, blue, and purple respectively.</p>														
	Peratus (%)														
	<table border="0"> <tr> <td>Konkrit</td> <td style="text-align: right;">54.80</td> </tr> <tr> <td>Kayu</td> <td style="text-align: right;">37.40</td> </tr> <tr> <td>Buluh</td> <td style="text-align: right;">1.90</td> </tr> <tr> <td>Lain-lain</td> <td style="text-align: right;">5.80</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td style="text-align: right;">100.00</td> </tr> </table>	Konkrit	54.80	Kayu	37.40	Buluh	1.90	Lain-lain	5.80	Jumlah	100.00				
	Konkrit	54.80													
Kayu	37.40														
Buluh	1.90														
Lain-lain	5.80														
Jumlah	100.00														
Jenis Pengangkutan Responden	<p>A bar chart showing the percentage of respondents for transport types. The y-axis is labeled 'Peratus' and ranges from 0 to 40. The x-axis categories are Kereta, Motosikal, Van, Bot, Basikal, and Lain-lain. The bars are colored green, blue, yellow, grey, orange, and red respectively.</p>														
	Peratus (%)														
	<table border="0"> <tr> <td>Kereta</td> <td style="text-align: right;">37.90</td> </tr> <tr> <td>Motosikal</td> <td style="text-align: right;">33.80</td> </tr> <tr> <td>Van</td> <td style="text-align: right;">1.82</td> </tr> <tr> <td>Bot</td> <td style="text-align: right;">1.70</td> </tr> <tr> <td>Basikal</td> <td style="text-align: right;">22.00</td> </tr> <tr> <td>Lain-lain</td> <td style="text-align: right;">2.81</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td style="text-align: right;">100.00</td> </tr> </table>	Kereta	37.90	Motosikal	33.80	Van	1.82	Bot	1.70	Basikal	22.00	Lain-lain	2.81	Jumlah	100.00
	Kereta	37.90													
Motosikal	33.80														
Van	1.82														
Bot	1.70														
Basikal	22.00														
Lain-lain	2.81														
Jumlah	100.00														

3.2.2 Maklumat Sosioekonomi Orang Asli Bersempadanan Dengan HSK

Pada bulan September 2021, pasukan sosioekonomi Stillgreen Recreation telah bekerjasama dengan pihak JAKOA daerah Gombak, Hulu Langat dan Hulu Selangor untuk menjalankan kajian survei terhadap Orang Asli. Kajian survei ini dilakukan secara atas talian dan pasukan sosioekonomi telah mengedarkan pautan soal selidik kepada semua tok batin yang terlibat di daerah-daerah ini.

Kesemua maklumat demografi responden ditunjukkan pada **Jadual 3.2**. Majoriti responden (85.29%) adalah lelaki. Kebanyakan responden berumur dalam lingkungan 51-65 tahun. Majoriti responden (44.12%) menghabiskan pendidikan di sekolah menengah (SRP, PMR dan SPM). Sebanyak 76.47 peratus daripada responden telah berkahwin dan hampir kesemua responden berasal daripada etnik temuan (88.24%) dan animesme (58.28%). Sebahagian besar responden memiliki pekerjaan (88.24%) dan majoriti responden iaitu sebanyak 47.06 peratus berpendapatan bulanan di antara RM1,001.00-RM2,000.00 sebulan manakala kebanyakan pendapatan isi rumah responden (41.18%) adalah antara RM1,001.00-RM2,000.00. Sebanyak 76.74 peratus responden menggunakan konkrit sebagai bahan utama untuk kediaman dan majoriti responden memiliki kereta sebagai kenderaan (47.89%) diikuti dengan motosikal (46.48%).

Maklumat Sosioekonomi Orang Asli Bersempadanan Dengan HSK



Majoriti responden yang ditemubual adalah lelaki, seramai 190 orang (85.29%) dan berumur di dalam lingkungan 51 hingga 65 tahun



Majoriti responden (44.12%) menghabiskan pendidikan di sekolah menengah Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)



76.47% daripada responden telah berkahwin dan hampir kesemua responden berasal dari etnik Temuan (88.24%) dan animisme (58.28%)



Sebahagian responden adalah dari golongan yang bekerja (88.24%) dan majoriti responden (47.06%) berpendapatan bulanan di antara RM1,001 hingga RM1,500 sebulan









Kebanyakan pendapatan isi rumah responden (47.18%) adalah melebihi RM1,001 hingga RM2,000



76.74% telah menggunakan konkrit sebagai bahan utama untuk kediaman dan majoriti memiliki kereta sebagai kenderaan (47.89%)

Jadual 3.2: Latar Belakang Orang Asli Di Sekitar Kawasan HSK Di Selangor

Demografi		
Jantina	 <p>Lelaki 85.29%</p>	 <p>Perempuan 14.71%</p>
	Peratus (%)	
	Lelaki	85.29
Perempuan	14.71	
Jumlah	100.00	
Status Perkahwinan	 <p>Bujang 8.82%</p>	 <p>Berkahwin 76.47%</p>
	 <p>Ibu/Bapa tunggal 14.71%</p>	
	Peratus (%)	
Bujang	8.82	
Berkahwin	76.47	
Ibu/Bapa tunggal	14.71	
Jumlah	100.00	
Tahap Pendidikan		
	Peratus (%)	
	Tiada pendidikan formal	11.76
Sekolah rendah	38.24	
Sekolah Menengah (SRP, PMR, SPM)	44.12	
Kolej dan Universiti (Diploma, Ijazah, Ijazah Lanjutan)	5.88	
Jumlah	100.00	


Demografi	
Etnik	<p>3% 6% 3% 88%</p> <p>■ Jakun ■ Semai ■ Semalai ■ Temuan</p>
	Peratus (%)
	Jakun 2.94 Semai 5.88 Semalai 2.94 Temuan 88.24 Jumlah 100.00
Agama	<p>■ Islam ■ Kristian ■ Animisme</p>
	Peratus (%)
	Islam 35.29 Kristian 5.88 Animisme 58.82 Jumlah 100.00
Umur (Tahun)	<p>Peratusan</p> <p>Umur (Tahun)</p> <p>0 10 20 30 40 50</p> <p><22 22-35 36-50 51-65 >65</p> <p>0 17.65 29.41 47.06 5.88</p>
	Peratus (%)
	< 22 0.00 22 - 35 17.65 36 - 50 29.41 51 - 65 47.06 >65 5.88 Jumlah 100.00

Demografi														
Pekerjaan	<p> ■ Bekerja ■ Tidak bekerja ■ Bekerja Sendiri </p> <p> Bekerja Sendiri 9% Tidak bekerja 3% Bekerja 88% </p>													
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: right;">Peratus (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bekerja</td> <td style="text-align: right;">88.24</td> </tr> <tr> <td>Tidak bekerja</td> <td style="text-align: right;">2.94</td> </tr> <tr> <td>Bekerja sendiri</td> <td style="text-align: right;">8.82</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td style="text-align: right;">100.00</td> </tr> </tbody> </table>	Peratus (%)		Bekerja	88.24	Tidak bekerja	2.94	Bekerja sendiri	8.82	Jumlah	100.00			
Peratus (%)														
Bekerja	88.24													
Tidak bekerja	2.94													
Bekerja sendiri	8.82													
Jumlah	100.00													
Pendapatan Bulanan Responden (RM)	<p>Peratusan</p> <p style="text-align: center;">Pendapatan bulanan responden (RM)</p>													
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: right;">Peratus (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><RM501</td> <td style="text-align: right;">20.59</td> </tr> <tr> <td>RM501-RM1,000</td> <td style="text-align: right;">29.41</td> </tr> <tr> <td>RM1,001-RM2,000</td> <td style="text-align: right;">47.06</td> </tr> <tr> <td>RM2,001-RM3,000</td> <td style="text-align: right;">2.94</td> </tr> <tr> <td>RM3,001-RM4,000</td> <td style="text-align: right;">0.00</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td style="text-align: right;">100.00</td> </tr> </tbody> </table>	Peratus (%)		<RM501	20.59	RM501-RM1,000	29.41	RM1,001-RM2,000	47.06	RM2,001-RM3,000	2.94	RM3,001-RM4,000	0.00	Jumlah
Peratus (%)														
<RM501	20.59													
RM501-RM1,000	29.41													
RM1,001-RM2,000	47.06													
RM2,001-RM3,000	2.94													
RM3,001-RM4,000	0.00													
Jumlah	100.00													
Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)	<p>Peratusan</p> <p style="text-align: center;">Pendapatan Isi Rumah (RM)</p>													
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: right;">Peratus (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><RM501</td> <td style="text-align: right;">14.71</td> </tr> <tr> <td>RM501-RM1,000</td> <td style="text-align: right;">32.35</td> </tr> <tr> <td>RM1,001-RM2,000</td> <td style="text-align: right;">41.18</td> </tr> <tr> <td>RM2,001-RM3,000</td> <td style="text-align: right;">5.88</td> </tr> <tr> <td>RM3,001-RM4,000</td> <td style="text-align: right;">5.88</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td style="text-align: right;">100.00</td> </tr> </tbody> </table>	Peratus (%)		<RM501	14.71	RM501-RM1,000	32.35	RM1,001-RM2,000	41.18	RM2,001-RM3,000	5.88	RM3,001-RM4,000	5.88	Jumlah
Peratus (%)														
<RM501	14.71													
RM501-RM1,000	32.35													
RM1,001-RM2,000	41.18													
RM2,001-RM3,000	5.88													
RM3,001-RM4,000	5.88													
Jumlah	100.00													


Demografi										
Bahan Binaan Utama Untuk Kediaman	<p>Peratusan</p> <p>Jenis bahan utama untuk kediaman</p> <table border="1"> <tr><td>Konkrit</td><td>76.74</td></tr> <tr><td>Kayu</td><td>18.6</td></tr> <tr><td>Buluh</td><td>4.65</td></tr> </table>	Konkrit	76.74	Kayu	18.6	Buluh	4.65			
	Konkrit	76.74								
	Kayu	18.6								
	Buluh	4.65								
Peratus (%)										
<table border="1"> <tr><td>Konkrit</td><td>76.74</td></tr> <tr><td>Kayu</td><td>18.6</td></tr> <tr><td>Buluh</td><td>4.65</td></tr> <tr><td>Jumlah</td><td>100.00</td></tr> </table>	Konkrit	76.74	Kayu	18.6	Buluh	4.65	Jumlah	100.00		
Konkrit	76.74									
Kayu	18.6									
Buluh	4.65									
Jumlah	100.00									
Jenis Pengangkutan Responden	<p>Peratusan</p> <p>Jenis kenderaan</p> <table border="1"> <tr><td>Kereta</td><td>47.89</td></tr> <tr><td>Motosikal</td><td>46.48</td></tr> <tr><td>Van</td><td>1.41</td></tr> <tr><td>Basikal</td><td>4.23</td></tr> </table>	Kereta	47.89	Motosikal	46.48	Van	1.41	Basikal	4.23	
	Kereta	47.89								
	Motosikal	46.48								
	Van	1.41								
Basikal	4.23									
Peratus (%)										
<table border="1"> <tr><td>Kereta</td><td>47.89</td></tr> <tr><td>Motosikal</td><td>46.48</td></tr> <tr><td>Van</td><td>1.41</td></tr> <tr><td>Basikal</td><td>4.23</td></tr> <tr><td>Jumlah</td><td>100.00</td></tr> </table>	Kereta	47.89	Motosikal	46.48	Van	1.41	Basikal	4.23	Jumlah	100.00
Kereta	47.89									
Motosikal	46.48									
Van	1.41									
Basikal	4.23									
Jumlah	100.00									

3.2.3 Kebergantungan Penduduk Terhadap Sumber Hutan


Rajah 3.1 menunjukkan kebergantungan penduduk terhadap hasil hutan. Kebanyakan penduduk (57.20%) menjadikan hutan sebagai kawasan riadah untuk mereka melakukan aktiviti-aktiviti rekreasi. Hanya beberapa orang penduduk sahaja (2.47%) yang masih terlibat dalam aktiviti pemujaan. Manakala **Rajah 3.2** menjelaskan bahawa majoriti penduduk (27.16%) terlibat dengan aktiviti penangkapan ikan sebagai inisiatif untuk menjana pendapatan ekonomi dan hanya segelintir penduduk (2.08%) masih terlibat dalam aktiviti penebangan kayu balak.



Rajah 3.1: Pergantungan Terhadap HSK Terdekat Untuk Saraan Hidup Oleh Penduduk



Rajah 3.2: Aktiviti Ekonomi Penduduk Berkaitan Hutan




Rajah 3.3: Jarak Kediaman Penduduk Ke HSK


Secara keseluruhan daripada jumlah keseluruhan, 52.4% rumah kediaman penduduk setempat terletak kurang daripada 5km daripada hutan simpan yang berdekatan; malah 62.8% penduduk di daerah Hulu Langat tinggal kurang daripada 5km dari hutan simpan di daerah itu (**Lampiran 2.2**). Didapati juga, majoriti penduduk (86.7%) tinggal di sekitar kawasan HSK dengan jarak yang kurang daripada 20 km.

3.2.4 Kebergantungan Orang Asli Terhadap Sumber Hutan


Rajah 3.4 menunjukkan kebergantungan Orang Asli terhadap hasil hutan. Kebanyakan Orang Asli (61.76%) tiada pergantungan terhadap hutan. Hanya beberapa Orang Asli sahaja (5.88%) yang bergantung kepada buluh, rotan, tumbuhan dan herba ubatan. Manakala **Rajah 3.5** menjelaskan bahawa majoriti Orang Asli (55.88%) terlibat dengan aktiviti berladang/pertanian pindah untuk menjana pendapatan ekonomi dan hanya segelintir Orang Asli (2.94%) sumber mendapatkan bahan menghasilkan kraftangan. Majoriti Orang Asli (57.14%) tinggal disekitar kawasan hutan simpan antara 0-5 kilometer.



Rajah 3.4: Pergantungan Terhadap HSK Terdekat Untuk Saraan Hidup Oleh Orang Asli



Rajah 3.5: Aktiviti Ekonomi Orang Asli Berkaitan Hutan




Rajah 3.6: Jarak Kediaman Orang Asli Ke HSK

3.3 Penilaian Impak Sosial


3.3.1 Impak Sosial Terhadap Bekalan Dan Kualiti Air

Seramai 243 responden telah dipilih untuk menjalankan soal jawab ini dan mereka menyatakan aktiviti yang banyak dijalankan di kawasan sekitar mereka adalah pelancongan eko (27.88%) dan penanaman kelapa sawit (26.99%).




Rajah 3.7: Jenis Aktiviti Yang Dijalankan Di Kawasan Penduduk

Majoriti Orang Asli menyatakan bahawa dusun durian, di bawah kategori lain-lain (61.74%) dan penanaman kelapa sawit (17.65%) merupakan jenis aktiviti pengurusan hutan yang dijalankan berhampiran kawasan kediaman mereka.




Rajah 3.8: Jenis Aktiviti Yang Dijalankan Di Kawasan Orang Asli

Responden telah ditanya mengenai kesan yang dialami akibat aktiviti yang telah dijalankan dan mereka setuju mengatakan bahawa aktiviti tersebut memberi impak kepada bilangan tumbuhan dan haiwan yang bergantung hidup (59.67%) dan jenis haiwan dan tumbuhan yang hidup (55.97%).




Rajah 3.9: Kesan Yang Dialami Oleh Penduduk

Disebabkan aktiviti yang dijalankan memberi impak kepada kualiti udara dan iklim responden, mereka bersetuju dengan pernyataan bahawa kualiti udara mereka masih segar dan suhu persekitaran normal (87.24%) dan mempunyai iklim yang stabil (83.95%).




Rajah 3.10: Kualiti Udara Dan Iklim Di Kawasan Penduduk




Rajah 3.11: Penjelasan Bekalan Air Disebabkan Aktiviti Pengurusan Hutan

Sementara itu, kebanyakan Orang Asli bersetuju mengatakan bahawa aktiviti tersebut memberi impak kepada penggunaan tanah yang optimum (20.59%).




Rajah 3.12: Kesan Alam Sekitar Yang Dialami Oleh Orang Asli

Bagi Orang Asli peratusan bagi pernyataan bahawa kualiti udara mereka masih segar dan suhu persekitaran normal dan mempunyai iklim yang stabil adalah (91.18%). Bagi Orang Asli, sebanyak 50% berpendapat bahawa penjejasan bekalan air terjadi disebabkan aktiviti yang dijalankan berlaku pada sumber air minum yang bersih untuk komuniti, kuantiti pembekalan air minum komuniti mencukupi, kualiti pembekalan air yang bersih untuk mandi dan membasuh serta kuantiti pembekalan air komuniti untuk mandi dan membasuh mencukupi.



Rajah 3.13: Kualiti Udara Dan Iklim Di Kawasan Orang Asli



Rajah 3.14: Penjejasan Bekalan Air Disebabkan Aktiviti Pengurusan Hutan

Responden berpendapat bahawa dalam masa beberapa tahun akan datang, masalah pencemaran akan berlaku disebabkan aktiviti pelancongan yang dijalankan. Nilai min keseluruhan adalah 3.20.

Jadual 3.3: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan

Bil	Persepsi	Min
1	Dalam masa beberapa tahun akan datang, masalah pencemaran akan berlaku disebabkan aktiviti pelancongan yang dijalankan	3.30
2	Pelancong menjaga kebersihan kawasan ekopelancongan	3.26
3	Kebersihan air tasik semakin tercemar	3.03
Min Keseluruhan		3.20

Orang Asli berpendapat bahawa dalam masa beberapa tahun akan datang, masalah pencemaran akan berlaku disebabkan aktiviti pelancongan yang dijalankan. Nilai min keseluruhan adalah 3.70.


Jadual 3.4: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan

Bil	Persepsi	Min
1	Pada masa hadapan, masalah pencemaran akan berlaku disebabkan aktiviti pelancongan yang dijalankan	4.18
2	Mencemarkan kebersihan air tasik	3.82
3	Lebih banyak infrastruktur disediakan	3.62
4	Pelancong menjaga kebersihan kawasan ekopelancongan	3.18
Min Keseluruhan		3.70

3.3.2 Impak Sosial Terhadap Ekonomi Tempatan

Sebanyak 32.46% penduduk menyatakan bahawa tawaran pekerjaan adalah dimaklumkan langsung oleh Jabatan Perhutanan kepada komuniti manakala sebanyak 23.68% penduduk menyatakan tawaran tersebut


dimaklumkan oleh kawan, saudara-mara dan peraih luar. Bagi masyarakat Orang Asli, sebanyak 41.18% responden menyatakan bahawa tawaran pekerjaan hutan dimaklumkan cara lain manakala sebanyak 35.29% responden menyatakan tawaran dimaklumkan langsung oleh Jabatan Perhutanan kepada komuniti.



Rajah 3.15: Cara Bagaimana Maklumat Tawaran Pekerjaan Hutan Sampai Kepada Penduduk

Jadual 3.5: Persepsi Responden Terhadap Aktiviti Di HSK Menjejaskan Atau Tidak Pembekalan Hasil Hutan/Sungai Serta Peluang Ekopelancongan

Bil	Persepsi	Min
1	Aktiviti Ekopelancongan	3.20
2	Pendapatan hasil sungai (ikan, udang, dsbnya)	3.08
3	Pendapatan hasil hutan (rotan, gaharu, dsbnya)	3.04
4	Sebagai sumber pendapatan	3.03
Min keseluruhan		3.09



Rajah 3.16: Cara Bagaimana Maklumat Tawaran Pekerjaan Hutan Sampai Kepada Orang Asli

Penduduk berpendapat bahawa pernyataan peningkatan taraf hidup dan segelintir penduduk sahaja yang terlibat dengan aktiviti pelancongan merupakan impak terhadap pelancongan yang dijalankan dengan gred nilai min keseluruhan adalah 3.34.

Jadual 3.6: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan

Bil	Persepsi	Min
1	Peningkatan taraf hidup	3.42
2	Segelintir penduduk sahaja yang terlibat dengan aktiviti ekopelancongan	3.41
3	Lebih banyak penambahbaikan infrastruktur diadakan	3.35
4	Peluang pekerjaan di sektor pelancongan semakin bertambah	3.33
5	Kadar pengangguran semakin berkurang	3.20
Min keseluruhan		3.34


Orang Asli berpendapat bahawa pernyataan peningkatan taraf hidup dan segelintir Orang Asli sahaja yang terlibat dengan aktiviti pelancongan merupakan impak terhadap pelancongan yang dijalankan dengan gred nilai min keseluruhan adalah 3.54.

Jadual 3.7: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan

Bil	Persepsi	Min
1	Segelintir penduduk sahaja yang terlibat dengan aktiviti ekopelancongan	3.62
2	Peningkatan taraf hidup	3.56
3	Peluang pekerjaan di sektor pelancongan semakin bertambah	3.53
4	Kadar pengangguran semakin berkurang	3.32
Min Keseluruhan		3.54


3.3.3 Impak Sosial Terhadap Kehidupan Sosial

Responden memberi maklum balas bahawa dengan kewujudan jalan balak, lebih ramai orang luar yang akan memasuki ke kampung (55.56%) dan tahap pendidikan juga meningkat ekoran daripada peningkatan akses komuniti (53.09%).




Rajah 3.17: Kesan Perubahan Disebabkan Jalan Balok Terhadap Penduduk

Sebanyak 57.20% penduduk bersetuju bahawa kualiti udara terjejas akibat laluan kenderaan balak dan kaitannya ke atas kesihatan penduduk kampung khususnya kanak-kanak dan warga tua. Peningkatan masalah social dikalangan remaja (53.50%) turut dikaitkan dengan aktiviti yang dijalankan.




Rajah 3.18: Aktiviti Di Sekitar Hutan Simpan Menjejaskan Atau Tidak Terhadap Komuniti Penduduk Tempatan

Sebanyak 68.72% responden bersetuju bahawa orang luar mendapat pengetahuan dan kemahiran berkaitan hutan seperti perubatan tradisional, pemburuan, menangkap ikan, menjelajah hutan dan trekking dalam hutan. Mereka turut berpendapat orang luar juga mengetahui cara pembinaan rumah tradisional (65.84%).




Rajah 3.19: Perolehan Pengetahuan Oleh Orang Luar Menguntungkan Responden

Akibat daripada pembalakan hutan yang dijalankan di kawasan responden, mereka telah memperolehi beberapa kemahiran seperti kemahiran menanam pokok hutan (18.11%), kemahiran menebang (16.29%) dan kemahiran membaja anak pokok di tapak semaian (15.22%).




Rajah 3.20: Kemahiran Yang Diperolehi Oleh Responden Melalui Aktiviti Pembalakan Hutan Simpan

Mereka berpendapat bahawa keindahan hutan di kawasan penduduk terjejas (67.49%) dan peningkatan sampah (65.43%) merupakan kesan aktiviti perhutanan di kawasan mereka. Mereka juga tidak bersetuju bahawa peningkatan kes vandalism (51.85%) dan lain-lain kesan (67.08%) merupakan akibat daripada aktiviti perhutanan.




Rajah 3.21: Pendapat Responden Tentang Kesan Aktiviti Perhutanan Ke Atas Keindahan Hutan


Orang Asli memberi maklum balas bahawa dengan kewujudan jalan balak, ia dapat membangunkan komuniti Orang Asli dengan peningkatan kemasukan agensi dan jabatan kerajaan (kesihatan, pendidikan, keselamatan, pembangunan) dan Memudahkan komuniti Orang Asli berulang alik ke tempat kerja (94.12%). Orang Asli berpendapat bahawa keindahan hutan di kawasan mereka terjejas (55.88%) dan peningkatan sampah (17.65%) merupakan kesan aktiviti perhutanan di kawasan mereka. Mereka juga tidak bersetuju bahawa peningkatan kes vandalism (85.29%) dan lain-lain kesan (91.18%) merupakan akibat daripada aktiviti perhutanan. Responden bersetuju bahawa tanah terjejas perlu diberi pampasan (97.06%) kesan aktiviti ke atas tanah komuniti Orang Asli. Mereka juga tidak bersetuju bahawa pemilikan tanah pertanian tradisional (tanah adat) tidak terjejas akibat aktiviti perhutanan.



Rajah 3.22: Kesan Perubahan Disebabkan Jalan Balak Terhadap Orang Asli



Rajah 3.23: Pendapat Orang Asli Tentang Kesan Aktiviti Perhutanan Ke Atas Keindahan Hutan



Rajah 3.24: Kesan Aktiviti Ke Atas Tanah Komuniti Orang Asli

Responden bersetuju bahawa dengan adanya pelancong dari luar, pertukaran pandangan mengenai sosiobudaya berlaku. Nilai min keseluruhan adalah 3.29.

Jadual 3.8: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan


Bil	Persepsi	Min
1	Dengan adanya pelancong dari luar, kita boleh bertukar pandangan	3.51
2	Hubungan antara komuniti semakin baik berikan kerjasama untuk menjayakan ekopelancongan	3.46
3	Budaya dan nilai-nilai murni dapat diterapkan di dalam diri masyarakat	3.4
4	Masalah sosial semakin meningkat	3.05
5	Terpengaruh dengan budaya luar (contoh: pergaulan bebas, punk, black metal dan lain-lain)	3.03
Min Keseluruhan		3.29

Responden bersetuju bahawa kegiatan ekopelancongan dapat menerapkan budaya dan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat. Nilai min keseluruhan adalah 4.12.


Jadual 3.9: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan

Bil	Persepsi	Min
1	Menerapkan budaya dan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat	4.44
2	Hubungan antara komuniti semakin baik dan memberi kerjasama untuk menjayakan ekopelancongan	4.29
3	Terpengaruh dengan budaya luar (seperti pergaulan bebas, dan lain-lain)	4.24
4	Masalah sosial semakin meningkat	4.06
5	Kedatangan pelancong disambut dengan ramah	3.56
Min Keseluruhan		4.12

3.3.4 Pandangan Responden Terhadap Projek Konservasi/Pemuliharaan HSK




Rajah 3.25: Kesedaran Penduduk Terhadap Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Dengan Penempatan



Rajah 3.26: Kesan Kewujudan Persekitaran HSK Yang Bersempadanan Dengan Penempatan Penduduk

Seramai 28 orang penduduk Orang Asli (82.35%) menyatakan bahawa mereka sedar akan kewujudan persekitaran HSK yang bersempadanan dengan penempatan.



Rajah 3.27: Kesedaran Orang Asli Terhadap Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Dengan Penempatan

3.3.4.1 Kesan Positif Kewujudan Persekitaran HSK

Kesan positif kewujudan persekitaran HSK bersempadanan penempatan responden ke atas kehidupan seharian ditunjukkan di **Jadual 3.10**. Penduduk berpendapat bahawa tempat pelancongan adalah penting dengan nilai min 3.6.

Jadual 3.10: Kesan Positif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Seharian

Bil	Perkara	Min
1.	Memperkenalkan kebudayaan setempat	3.62
2.	Tempat pelancongan	3.60
3.	Meningkatkan kemahiran kaum wanita menceburi industri kecil	3.57
4.	Kemahiran berkomunikasi	3.55
5.	Kemahiran berniaga & mengurusniaga	3.55
6.	Menambah peluang pekerjaan	3.53
7.	Pembangunan tempatan	3.44
8.	Menambah pendapatan	3.35
Min Keseluruhan		3.53

Kesan positif kewujudan persekitaran HSK bersempadanan penempatan responden ke atas kehidupan seharian ditunjukkan oleh **Jadual 3.11**. Orang Asli berpendapat bahawa memperkenalkan kebudayaan setempat adalah penting dengan nilai min 4.47.

Jadual 3.11: Kesan Positif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Seharian

Bil	Perkara	Min
1.	Memperkenalkan kebudayaan setempat	4.47
2.	Kemahiran berniaga dan jual beli	4.44
3.	Menambah peluang pekerjaan	4.44
4.	Menambah pendapatan	4.44
5.	Meningkatkan kemahiran kaum wanita menceburi industri kecil	4.44
6.	Kemahiran berkomunikasi	4.41
7.	Pembangunan tempatan	4.26
8.	Tempat pelancongan	3.71
Min Keseluruhan		4.33

3.3.4.2 Kesan Negatif Kewujudan Persekitaran HSK

Kesan negatif kewujudan persekitaran HSK bersempadanan penempatan penduduk ke atas kehidupan seharian ditunjukkan oleh **Jadual 3.12**. Penduduk berpendapat bahawa kekurangan tanah pertanian ialah kesan negatif kewujudan persekitaran HSK bersempadanan penempatan dengan nilai min 3.59.

Jadual 3.12: Kesan Negatif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Sehari-hari

Bil	Perkara	Min
1.	Kekurangan tanah untuk pertanian	3.59
2.	Kekurangan ruang mencari hasil hutan	3.55
3.	Gangguan masyarakat luar	3.51
4.	Kekurangan sumber pendapatan	3.47
Min Keseluruhan		3.53

Kesan negatif kewujudan persekitaran HSK bersempadanan penempatan Orang Asli ke atas kehidupan sehari-hari ditunjukkan oleh **Jadual 3.13**. Orang Asli berpendapat bahawa kekurangan sumber pendapatan ialah kesan negatif kewujudan persekitaran HSK bersempadanan penempatan dengan nilai min 4.18.

Jadual 3.13: Kesan Negatif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Sehari-hari

Bil	Perkara	Min
1.	Kekurangan sumber pendapatan	4.18
2.	Kekurangan tanah untuk pertanian	4.09
3.	Gangguan masyarakat luar	4.06
4.	Kekurangan ruang mencari hasil hutan	4.03
Min Keseluruhan		4.09

3.3.5 Kepentingan Ekopelancongan Dalam HSK

Persepsi penduduk terhadap kepentingan ekopelancongan dalam Hutan Simpan dalam kehidupan harian anda dan generasi akan datang ditunjukkan oleh **Jadual 3.14**. Penduduk berpendapat bahawa persekitaran yang selamat dan terjamin adalah penting bagi ekopelancongan. Min keseluruhan persepsi penduduk terhadap kepentingan ekopelancongan dalam Hutan Simpan dalam kehidupan harian dan generasi akan datang ialah 3.87.

Jadual 3.14: Persepsi Penduduk Tentang Kepentingan Ekopelancongan Dalam Hutan Simpan Dalam Kehidupan Harian Anda Dan Generasi Akan Datang

Bil	Persepsi	Min
1	Persekitaran yang selamat dan terjamin	4.05
2.	Persekitaran yang bersih dan rapi	4.03
3.	Suasana yang menenangkan	4.02
4.	Tempat yang bagus untuk menenangkan minda dan menyegarkan badan	4.02
5.	Lanskap dan sungai yang indah	4.00
6.	Mencetus kesejahteraan rohani	4.00
7.	Pemandangan semulajadi yang menakjubkan	4.00
8.	Hidupan liar dan habitat semulajadi yang tidak terganggu	3.97
9.	Persekitaran mesra keluarga	3.96
10.	Sukan / aktiviti air yang menarik (berperahu, memancing, dan lain-lain)	3.96
11.	Cuaca yang menyenangkan	3.95

Bil	Persepsi	Min
12.	Penerimaan orang luar oleh masyarakat tempatan	3.95
13.	Tempat percutian yang indah untuk melepaskan diri dari kehidupan harian	3.94
14.	Gunung dan lembah yang indah	3.93
15.	Pelbagai aktiviti untuk orang dewasa	3.92
16.	Sejarah dan warisan tersendiri	3.91
17.	Air terjun yang menakjubkan	3.88
18.	Orang-orang tempatan yang ramah dan membantu	3.88
19.	Pelbagai aktiviti yang baik untuk kanak-kanak	3.88
20.	Peluang besar untuk melakukan rekreasi luar	3.88
21.	Pusat pelancongan mesra pelancong	3.88
22.	Masyarakat yang pelbagai	3.87
23.	Akses mudah untuk ke kawasan ini	3.86
24.	Kertersediaan maklumat perjalanan	3.86
25.	Aliran lalu lintas dan maklumat letak kereta disampaikan dengan baik	3.84
26.	Banyak tarikan dengan tema budaya tempatan	3.84
27.	Kebudayaan Orang Asli	3.84
28.	Seni bina unik berasaskan kebudayaan tempatan	3.84
29.	Harga yang berpatutan untuk tarikan dan aktiviti	3.82
30.	Nilai yang baik untuk wang	3.82
31.	Harga yang berpatutan untuk makanan dan penginapan	3.80
32.	Seni dan kraf tempatan yang indah	3.80
33.	Kepelbagaian hiburan	3.77
34.	Kepelbagaian pameran dan pertunjukkan	3.77
35.	Pelbagai kemudahan kedai	3.77
36.	Pilihan restoran / masakan yang pelbagai	3.74
37.	Semua keperluan untuk warga emas tersedia	3.74
38.	Pilihan tempat penginapan yang pelbagai	3.73
39.	Acara kebudayaan dan perayaan yang menarik	3.70
40.	Suasana romantis untuk perkahwinan dan bulan madu	3.63
41.	Tempat yang hebat untuk mendaki /berkelah / perkhemahan	3.58
	Min Keseluruhan	3.87

Persepsi Orang Asli terhadap kepentingan ekopelancongan dalam HSK dalam kehidupan harian mereka dan generasi akan datang ditunjukkan di **Jadual 3.15**. Orang Asli berpendapat bahawa pemandangan semulajadi yang menakjubkan, pemandangan semulajadi, lanskap dan sungai yang indah, gunung dan lembah yang indah adalah penting bagi ekopelancongan. Min keseluruhan persepsi Orang Asli terhadap kepentingan ekopelancongan dalam Hutan Simpan dalam kehidupan harian dan generasi akan datang ialah 4.47.

Jadual 3.15: Persepsi Orang Asli Tentang Kepentingan Ekopelancongan Dalam Hutan Simpan Dalam Kehidupan Harian Anda Dan Generasi Akan Datang

Bil	Persepsi	Min
1.	Air terjun yang menakjubkan	4.47
2.	Cuaca yang menyenangkan	4.47
3.	Gunung dan lembah yang indah	4.47
4.	Lanskap dan sungai yang indah	4.47
5.	Pemandangan semulajadi	4.47
6.	Pemandangan semulajadi yang menakjubkan	4.47
7.	Persekitaran yang bersih dan rapi	4.47
8.	Suasana yang menenangkan	4.47

Bil	Persepsi	Min
9.	Mencetuskan kesejahteraan rohani	4.44
10.	Persekitaran mesra keluarga	4.44
11.	Persekitaran yang selamat dan terjamin	4.44
12.	Kebudayaan Orang Asli	4.41
13.	Sejarah dan warisan tersendiri	4.41
14.	Senibina unik berasaskan kebudayaan tempatan	4.41
15.	Banyak tarikan dengan tema budaya tempatan	4.35
Min Keseluruhan		4.44

3.3.6 Kepuasan Responden Terhadap HSK

3.3.6.1 Kepuasan Penduduk Terhadap HSK

Kepuasan penduduk mengenai HSK ditunjukkan di **Jadual 3.16**. Penduduk memberi keterangan bahawa HSK bersifat mesra alam dengan min 3.34.

Jadual 3.16: Keterangan Penduduk Tentang HSK

Bil	Keterangan	Min
1	Mesra alam	3.34
2	Penglibatan penduduk setempat	3.28
3	Tahap pencemaran rendah	3.21
4	Lain-lain	3.08
Min Keseluruhan		3.23

3.3.6.2 Kepuasan Orang Asli terhadap HSK


Seterusnya, kepuasan Orang Asli tentang HSK ditunjukkan di **Jadual 3.17**. Orang Asli memberi keterangan yang sama seperti penduduk iaitu HSK adalah bersifat mesra alam dengan min 4.41.

Jadual 3.17: Keterangan Orang Asli Tentang HSK

Bil	Keterangan	Min
1	Lain-lain	4.56
2	Mesra alam	4.41
3	Penglibatan Orang Asli setempat	4.29
4	Tahap pencemaran rendah	4.12
Min Keseluruhan		4.35

3.4 Analisis *Strengths*, *Weaknesses*, *Opportunities* Dan *Threats* (SWOT), Langkah-Langkah Mitigasi Dan Peningkatan

3.4.1 Analisis SWOT



Rajah 3.28: Analisis SWOT

Analisis SWOT telah dijalankan kepada maklumat yang dicerap hasil daripada perbincangan kumpulan berfokus (FGD) yang telah dijalankan. Hasil daripada analisis SWOT tersebut, terdapat kekuatan dari segi pengawalseliaan dan pemantauan berkala dari semasa ke semasa. Secara tidak langsung, Akta Perhutanan Negara 1984 telah menjadi satu elemen yang memudahkan kerja-kerja penguatkuasaan dijalankan terhadap HSK.

Sebaliknya, kelemahan dalaman dicatat di mana masyarakat setempat melaporkan bahawa tiada perhubungan komunikasi yang baik atau secara dua hala di antara mereka dan pihak yang bertanggungjawab. Adalah dilaporkan bahawa kekurangan kakitangan jabatan ataupun mempunyai kakitangan yang terhad menjadi salah satu elemen kelemahan berdasarkan analisis ini. Dengan ini, kedua elemen ini dianggap sebagai sebahagian daripada punca masalah di mana keluasan HSK adalah tidak setanding dengan kekurangan jumlah kakitangan ini.

Menurut analisis ini juga, kerjasama dengan masyarakat setempat boleh membantu mengatasi kelemahan yang dinyatakan di atas. Selain masyarakat setempat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) turut serta di dalam pembinaan komunikasi secara dua hala. Hal ini kerana komuniti tempatan dan NGO merupakan barisan hadapan yang giat menjalankan aktiviti pemuliharaan di beberapa kawasan HSK di Selangor. Malah, kerjasama

daripada agensi seperti Tourism Selangor juga boleh membantu dari segi mempromosikan pemuliharaan kawasan hutan di sekitar negeri Selangor.

Namun begitu, semasa FGD dijalankan, terdapat beberapan ancaman yang dicatatkan. Menurut kajian lepas, dijangkakan paras laut di beberapa kawasan di Selangor bakal meningkat menjelang tahun 2050, di mana beberapa kawasan daratan akan dinaiki air. Justeru, pemantauan aktiviti pengusahaan hutan secara haram amat ditekankan bagi memastikan pengekalan HSK di masa hadapan.

3.4.2 Langkah-Langkah Mitigasi Dan Peningkatan

Langkah-Langkah Mitigasi dan Peningkatan

BERDASARKAN PENEMUAN-PENEMUAN DI DALAM KAJIAN SIA, BEBERAPA MITIGASI HARUS DILAKUKAN UNTUK MEMASTIKAN STATUS KEMAMPAHAN HUTAN TERCAPAI. KEMAMPAHAN HUTAN HARUS DISERTAKAN DENGAN TIGA TONGGAK UTAMA: EKONOMI, ALAM SEKITAR DAN SOSIAL.

Ekonomi	
<p>• Impak Negatif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti pembalakan secara haram • Aktiviti penguatkuasaan • Aktiviti eksploitasi <p>• Langkah Mitigasi Impak Negatif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan sistematik • Peningkatan kualiti pengurusan 	<p>• Impak Positif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peluang Pekerjaan • Sumber pendapatan Kerajaan Negeri Selangor dan masyarakat setempat <p>• Langkah Mitigasi Impak Positif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan penglibatan masyarakat setempat
Alam Sekitar	
<p>• Impak Negatif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran sungai • Banjir • Kehilangan habitat fauna • Kehilangan biodiversiti <p>• Langkah Mitigasi Impak Negatif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bekerjasama dengan komuniti tempatan dan NGO • Pemantauan sistematik • Bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) 	<p>• Impak Positif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sumber air mentah • Kualiti udara yang bersih <p>• Langkah Mitigasi Impak Positif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan penglibatan masyarakat setempat • Peningkatan penglibatan NGOs
Sosial	
<p>• Impak Negatif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Vandaliisme • Pencemaran • Pembuangan sampah • Budaya negatif <p>• Langkah Mitigasi Impak Negatif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memantau tindakan pelancong • Bekerjasama dengan komuniti tempatan dan NGO • Program kesedaran • Menubuhkan tabung pemuliharaan hutan 	<p>• Impak Positif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Warisan Budaya Orang Asli <p>• Langkah Mitigasi Impak Positif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan kepada masyarakat



3.4.2.1 Ekonomi

Berdasarkan penemuan kajian, masyarakat tempatan di Daerah Hulu Langat, Hulu Selangor dan Gombak telah mengalami pengalaman di dalam aktiviti pengusahaan hutan. Walau bagaimanapun, aktiviti pengusahaan yang aktif tidak lagi dijalankan sejajar dengan pelaksanaan moratorium oleh Kerajaan Negeri Selangor. Dilaporkan bahawa penduduk tempatan dari dua (2) daerah iaitu Gombak dan Kuala Selangor telah menerima kesan yang ketara hasil daripada aktiviti pengusahaan yang lepas.

Oleh yang demikian, aktiviti pengusahaan di kedua-dua daerah ini perlu dipantau dengan baik sejurus selepas moratorium dibubarkan. Selain daripada ianya menyumbang ke arah pendapatan Kerajaan Negeri Selangor, ianya juga memberi peluang kepada masyarakat setempat yang bergantung kepada HSK bagi menjana pendapatan. Pemantauan yang sistematik ke atas aktiviti pengusahaan akan datang bukan sahaja membantu mengurangkan penebangan hutan secara haram, malah, ianya dapat menggalakkan penjana pendapatan yang lebih tinggi untuk Kerajaan Negeri Selangor, industri dan masyarakat setempat.

Sementara itu, aktiviti pengkuarian dilaporkan telah menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Ianya wujud di bawah Peraturan Kuari 2003 di beberapa lokasi di daerah Hulu Langat, Gombak, Kuala Langat, Hulu Selangor dan Kuala Selangor pada tahun 2019. Ianya juga, berfungsi sebagai sumber pendapatan bagi Kerajaan Negeri Selangor. Bagaimanapun, laporan dan aduan daripada masyarakat tempatan amat penting bagi memastikan tidak wujud kawasan baharu bagi aktiviti pengkuarian dan juga eksploitasi yang berlebihan. Operasi kuari di Selangor adalah tertakluk dengan peraturan yang digariskan, di mana pengusaha syarikat pengkuarian tersebut perlu mendapatkan permit daripada pentadbir tanah, dan juga tertakluk kepada Skim Melombong oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) yang telah diluluskan.

Meskipun begitu, ekopelancongan dijanjikan sebagai salah satu sumber pendapatan yang besar kepada masyarakat tempatan. Secara amnya, produk ekopelancongan dilihat amat memberikan impak yang positif dari sudut pembangunan industri pelancongan negara dan juga menghasilkan faedah dalam bentuk ekonomi kepada Kerajaan Negeri Selangor dan masyarakat tempatan. Dengan kehadiran pelancong yang ramai bukan sahaja dalam negara, bahkan pelancong dari luar negara dapat meningkatkan lagi ekonomi setempat dan juga ekonomi negara khususnya melalui pendapatan tukaran wang asing yang mengalir masuk ke dalam negara.

3.4.2.2 Alam Sekitar

Masyarakat tempatan dari beberapa daerah seperti di Daerah Gombak, Kuala Selangor dan Hulu Selangor melaporkan bahawa kesan daripada aktiviti pengusahaan dan pengkuarian menyumbang ke arah pencemaran sungai dan banjir. Pada masa yang sama, ianya juga turut dijangka akan memusnahkan habitat fauna dan biodiversiti dengan menyumbang ke arah pencemaran habuk, bunyi dan gegaran terutamanya kawasan kuari yang berhampiran dengan kawasan perumahan. Sungai merupakan sumber air minuman dan aktiviti harian kepada masyarakat setempat. Oleh yang demikian, siasatan dan pemantauan yang telah dijalankan harus dipertingkatkan dan kekerapan lawatan turut sama dipertingkatkan bagi menjamin aktiviti mesra alam. Usahasama masyarakat setempat dan NGO memainkan peranan yang penting bagi memastikan keberkesanan cadangan penambahbaikan. Meskipun begitu, segala bentuk laporan daripada komuniti tempatan dan NGO harus giat dikesan. Hal ini kerana hutan merupakan elemen penting dalam tonggak alam sekitar, di mana bukan sahaja masyarakat tempatan bergantung kepadanya, tetapi ia juga merupakan rumah dan kawasan yang penting bagi masyarakat Orang Asli. Oleh itu, kerjasama masyarakat setempat juga penting dalam aktiviti pemantauan hutan untuk memastikan ia akan kekal terpelihara.

Sebaliknya, aktiviti pengkuarian dijalankan di Daerah Hulu Selangor, Gombak dan Sepang. Aktiviti pengkuarian telah membawa kepada impak ke atas kualiti air sungai. Sungai di kawasan Selangor merupakan sumber air mentah utama bagi penduduk di Selangor dan Kuala Lumpur. Agensi-agensi teknikal yang terlibat seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) harus sentiasa membuat pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan untuk meminimalkan impak negatif ini dari semasa ke semasa. Dasar dan perundangan telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan impak negatif (pencemaran) yang menjejaskan kehidupan penduduk dapat dikawal dengan baik. Selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar, ketetapan yang telah disyaratkan kepada pengusaha kuari seperti pemberian permit yang sah amat disokong oleh pihak JPNS. Pengusaha kuari adalah tertakluk dengan syarat-syarat yang telah diluluskan melalui Laporan Kesan Alam Sekeliling (EIA).

Di samping itu, potensi ekopelancongan boleh memberi motivasi kepada penambahan penetapan kawasan semulajadi untuk tujuan pemuliharaan dan perlindungan pada masa akan datang. Kebaikan daripada kewujudan aktiviti ekopelancongan boleh digunakan untuk melindungi alam semulajadi, hidupan liar, dan pelbagai jenis spesis di HSK di samping dapat membantu masyarakat tempatan menjadi sebuah masyarakat yang bertamadun dan berpendidikan dengan menyedari akan kepentingan memelihara sumber yang ada di hutan semulajadi. Bukan sahaja masyarakat tempatan yang

memperolehi faedah daripada aktiviti ekopelancongan tetapi ianya juga memberi manfaat yang besar kepada pelancong yang datang dari seluruh dunia untuk mengambil peluang menghargai dan berada di dalam persekitaran semulajadi yang dilindungi. Namun begitu, ekopelancongan juga berpotensi menghasilkan kesan negatif kepada alam sekitar. Berdasarkan sensitivitinya, budaya dan sumber semulajadi serta persekitaran destinasi ekopelancongan yang biasanya dikenali sebagai kawasan perlindungan yang asli boleh terjejas dengan mudah melalui aktiviti pelancong khususnya apabila strategi pengurusan pengunjung tidak berfungsi dengan baik. Oleh itu, sistem pengurusan di kawasan ekopelancongan wajar diambil pertimbangan sebagai kunci kepada sistem sokongan yang penting bagi kelestarian sumber alam sekitar.

3.4.2.3 Sosial

Dalam tonggak sosial, empat (4) daerah termasuklah Daerah Hulu Selangor, Sabak Bernam, Klang dan Petaling mempunyai kesan impak sosial yang ketara hasil daripada aktiviti ekopelancongan. Dari sudut sosial, ekopelancongan mempunyai elemen pelancongan yang memfokuskan dan menghidupkan pelancongan yang berasaskan kepada sejarah, alam semulajadi sesuatu kawasan termasuklah budaya aslinya. Menurut kajian ini, di antara kesan-kesan sosial yang dilaporkan ialah vandalisme, pencemaran, pembuangan sampah dan budaya negatif yang dialami masyarakat setempat. Tidak dinafikan lagi, aktiviti ekopelancongan telah menjana pendapatan kepada penduduk tempatan dan Kerajaan Negeri Selangor. Namun begitu, perlu ada pendidikan atau program kesedaran dijalankan bagi mendidik pelancong tentang kepentingan pemuliharaan hutan. Kerjasama dengan masyarakat tempatan boleh dipergiat bagi memantau tindakan pelancong yang boleh memudaratkan hutan. Kerjasama dengan NGO juga perlu untuk mengadakan program kesedaran kepada pelancong dan menubuhkan tabung untuk pemuliharaan hutan.

Di samping itu, pada masa yang sama ekopelancongan dapat mendedahkan perspektif sejarah mengenai penduduk orang asli, flora dan fauna kepada pelancong dan dapat menggalakan komuniti setempat untuk menghargai dan menerima faedah daripada aset budaya dan sumber semulajadi. Melalui kewujudan ekopelancongan juga secara tidak langsung telah menyebabkan peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris dari kalangan masyarakat setempat seperti destinasi pelancongan di mana kebanyakan pelancong yang datang adalah daripada luar negara. Pada masa yang sama ekopelancongan dapat mendedahkan perspektif sejarah mengenai penduduk orang asli, flora dan fauna kepada pelancong dan dapat menggalakan komuniti setempat untuk menghargai dan menerima faedah daripada aset budaya dan sumber semulajadi. Jika hutan semula jadi tidak dijaga dengan baik daripada sekarang, kita akan kehilangannya pada masa akan datang.

3.5 Cadangan Pemantauan Dan Penambahbaikan

Operasi pengurusan HSK yang sedang dilaksanakan pada amnya diterima baik oleh masyarakat tempatan dan Orang Asli melalui kajian ini. Impak positif dikesan melebihi impak negatif dari perspektif masyarakat tempatan dan Orang Asli. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa impak telah diberi perhatian dan langkah penambahbaikan telah diambil. Oleh yang demikian, selaras dengan keperluan objektif RPH, adalah wajar impak yang dikesan sebagai kurang memenuhi matlamat RPH untuk menjaga kesejahteraan masyarakat di persekitaran HSK dipantau dan ditambahbaiki dengan langkah-langkah yang sesuai.

Sejajar dengan itu, beberapa langkah penambahbaikan dan pemantauan telah disenaraikan;

3.5.1 Pemeliharaan HSK

Langkah	Aktiviti	Isu
Pertama	Penilaian impak	Impak sosial yang utama <ul style="list-style-type: none"> • Impak ke atas sumber air dan kualiti air • Impak ke atas ekonomi tempatan • Impak ke atas sosio-budaya kehidupan
Kedua	Kaedah mitigasi dan penambahbaikan	Kaedah utama mitigasi / penambahbaikan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Berbincang dengan komuniti yang terkesan • Memastikan analisis impak alam sekitar dilaksanakan dengan sepenuhnya keatas sumber air • Mengerat kerjasama dengan agensi yang relevan dan pihak berkepentingan untuk menjalankan program latihan untuk komuniti
Ketiga	Pemantauan	Pemantauan sosial: <ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan pematuhan • Pemantauan impak

3.5.2 Kerjasama Dengan Masyarakat Tempatan

Bil	Impak Sosial Utama	Langkah–langkah Mitigasi dan Penambahbaikan
1	Sumber dan kualiti air Impak perubahan kualiti dan kuantiti	<ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan sumber sistem graviti dan sungai di kawasan kampung yang bergantung kepada sumber air sungai. • Agensi berkuasa seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan JPNS menyediakan Tatacara Pengendalian Piawai [Standard

Bil	Impak Sosial Utama	Langkah–langkah Mitigasi dan Penambahbaikan
		<p>Operating Procedure (SOP)] dengan kerjasama agensi berkenaan dan persetujuan jawatankuasa penduduk tempatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • JPNS bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), LUAS dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menjalankan pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa.
2	Ekonomi tempatan	
	Peluang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • JPNS berganding bahu dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyampaikan maklumat tentang peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. • Memberi peluang pekerjaan seperti menjadi malim gunung, porter dan pemandu pelancong dalam aktiviti ekopelancongan.
	Pemuliharaan sumber di hutan simpan kekal	<ul style="list-style-type: none"> • JPNS bersama NGO menyediakan latihan kepada penduduk kampung dan bandar yang berminat untuk terlibat di dalam aktiviti ekopelancongan. • JPNS mempergiatkan kerjasama dengan persatuan persatuan pelajar universiti tempatan.
	Perkongasian bersama	<ul style="list-style-type: none"> • Di beberapa lokasi pusat rekreasi hutan telah pun diadakan tempat parkir khas melalui kerjasama dengan pihak majlis tempatan dan masyarakat kampung (pemilik tanah); begitu juga dengan kerja pembersihan. • Skim insentif kewangan yang sesuai disediakan bagi membolehkan komuniti tempatan dan badan bukan kerajaan melaksanakan pelbagai garis panduan untuk meningkatkan kesedaran. • Meningkatkan kesedaran rakyat bandar terhadap kepentingan konservasi sumber hutan melalui program dan latihan.
	Penghargaan kepada komuniti dan badan sukarela	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi bantuan khidmat dan kemudahan untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat luar.
3	Sosio budaya masyarakat tempatan	
	Adat resam penduduk tempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Bersama agensi berkenaan, JPNS mengadakan garis panduan dan program kesedaran tentang kepentingan penjagaan pesekitaran dan adat resam penduduk tempatan. • Menerangkan tentang kepentingan hutan dalam ekosistem terutama ketika dunia sedang mengalami perubahan cuaca global. • Menjalankan kempen di sekolah.
	Maklumat konservasi kepada komuniti kampung dan bandar	<ul style="list-style-type: none"> • JPNS meningkatkan penyediaan bahan bercetak, termasuk poster, risalah dan persembahan video.
	Latihan dan program kesedaran	<ul style="list-style-type: none"> • JPNS dan agensi-agensi berkaitan menyediakan garis panduan untuk menjadikan komuniti tempatan sebagai salah satu sumber penting untuk mendapat maklumbalas tentang keberkesanan latihan dan program kesedaran.
	Peraturan dan undang undang	<ul style="list-style-type: none"> • JPNS menyediakan peta kawasan atau zon pengurusan supaya pemantauan dapat dilakukan dengan tepat keatas kawasan yang terceroboh.

Bil	Impak Sosial Utama	Langkah-langkah Mitigasi dan Penambahbaikan
		<ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan maklumbalas dari penduduk tempatan dan bandar tentang pematuhan larangan.
4	Alam sekitar	
	Pemahaman dan kesedaran tentang konservasi sumber hutan	<ul style="list-style-type: none"> JPNS dan agensi-agensi berkaitan memastikan dapatan perbincangan dengan jawatankuasa masyarakat disebar luas seboleh mungkin kepada penduduk.
	Pencerobohan dalam kawasan hutan	<ul style="list-style-type: none"> JPNS mengambil langkah memastikan sempadan-sempadan bagi setiap penempatan / perkampungan ditentukan dengan jelas dalam perincian Rancangan Tempatan dan/atau Rancangan Kawasan Khas yang dibuat oleh Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran.

3.5.3 Kerjasama Dengan Masyarakat Orang Asli

Bil	Impak utama keatas komuniti Orang Asli	Langkah-langkah Mitigasi dan Penambahbaikan
1	Sumber dan kualiti air	
	Pemilikan tapak perkuburan dan kawasan pertanian / kebun	<ul style="list-style-type: none"> JPNS dan agensi-agensi berkaitan berbincang dengan masyarakat Orang Asli yang menerima impak untuk menentukan kawasan khusus untuk dijadikan tanah perkuburan dan kawasan kebun Orang Asli.
	Sumber air	<ul style="list-style-type: none"> Mengenalpasti sumber bekalan air yang tidak terhakis dengan teruk. JPNS dan agensi-agensi berkaitan mengadakan dialog dengan pemimpin masyarakat Orang Asli, JAKOA dan agensi kerajaan yang berkenaan JPS untuk membentuk peraturan berkaitan penggunaan sumber air.
2	Ekonomi tempatan	
	Peluang pekerjaan di dalam sektor swasta	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pihak swasta membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat Orang Asli.
	Penyediaan kemudahan awam	<ul style="list-style-type: none"> Berkolaborasi dengan agensi kerajaan yang relevan untuk memastikan masyarakat Orang Asli mendapat khidmat dan kemudahan lain (pendidikan, kesihatan, bank) dengan secukupnya.
3	Sosio budaya masyarakat Orang Asli	
	Kesedaran dan kefahaman terhadap konservasi sumber hutan	<ul style="list-style-type: none"> JPNS dan agensi-agensi berkaitan mengadakan kerjasama dengan JKKK masyarakat kampung Orang Asli, NGO dan persatuan pelajar perhutanan dan alam sekitar di universiti tempatan.
	Kehidupan masyarakat Orang Asli	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan kesedaran masyarakat Orang Asli tentang kepentingan konservasi sumber hutan dan meninggalkan kaedah pertanian pindah.

Bil	Impak utama keatas komuniti Orang Asli	Langkah–langkah Mitigasi dan Penambahbaikan
		<ul style="list-style-type: none"> Memastikan peraturan dan undang-undang berkaitan konservasi sumber hutan dipatuhi sepenuhnya.
4	Konservasi hutan	
	Pembangunan program perhutanan sosial	<ul style="list-style-type: none"> JPNS menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan yang mempunyai tanggungjawab khusus terhadap kehidupan masyarakat Orang Asli dan pihak swasta.
	Mengekalkan landskap estetik hutan	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan kawasan hutan yang diklasifikasikan sebagai hutan konservasi bernilai tinggi (<i>High Conservation Value</i>) tidak dicerobohi. JPNS menyediakan latihan dan program konservasi kepada masyarakat Orang Asli.
	Maklumat terkini tentang program kesedaran konservasi sumber hutan	<ul style="list-style-type: none"> JPNS menyediakan bahan bercetak, mengadakan dialog bersama pemimpin masyarakat dengan bantuan NGO.

3.5.4 Kerjasama Dengan Pihak Berkuasa Tempatan

Bil	Impak utama keatas komuniti Orang Asli	Langkah –langkah Mitigasi dan Penambahbaikan
1	Ekonomi komuniti tempatan	
	Pembangunan kemudahan ekopelancongan dengan kerjasama komuniti tempatan	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan pelan tindakan untuk pembangunan ekopelancongan bagi memudahkan pihak berkuasa tempatan melaksanakan projek atau program penguatkuasaan di luar kawasan ekopelancongan hutan.
	Meningkatkan sokongan terhadap pemuliharaan sumber hutan.	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan penglibatan masyarakat tempatan agar penajaan faedah ekonomi dianggap penting untuk kejayaan jangka masa panjang projek ekopelancongan.
2	Kesejahteraan kehidupan masyarakat	
	Mengenalpasti dengan tepat anggaran kuantitatif tahap tampungan serta ramalan kesan daripada kapasiti melampau.	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan yang setiap pelan pembangunan dan pelan pengurusan untuk sesuatu kawasan ekopelancongan hutan menggunakan kaedah saintifik bagi menentukan Tahap Tampungan dan Had Perubahan yang boleh diterima. Menggunakan kaedah saintifik untuk mengenalpasti dengan tepat anggaran kuantitatif tahap tampungan serta ramalan kesan daripada kapasiti melampau. Melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk operator pelancong, komuniti tempatan dan

Bil	Impak utama keatas komuniti Orang Asli	Langkah –langkah Mitigasi dan Penambahbaikan
		kumpulan pemegang taruh dalam menentukan tahap tampungan.
	Penglibatan masyarakat tempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Penjanaan faedah ekonomi dianggap penting untuk kejayaan jangka masa panjang projek ekopelancongan. • Manfaat yang diperolehi melalui penglibatan masyarakat tempatan akan menaikan sokongan untuk pemuliharaan sumber hutan.

3.5.5 Langkah Pemantauan Yang Diperlukan

Langkah	Aktiviti	Isu
L1	Penilaian impak	Impak sosial yang utama: <ul style="list-style-type: none"> • Impak keatas sumber air dan kualiti air. • Impak keatas ekonomi tempatan. • Impak keatas sosio-budaya kehidupan.
L2	Kaedah mitigasi dan penambahbaikan	Kaedah utama mitigasi / penambahbaikan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Berbincang dengan komuniti yang terkesan. • Pastikan analisis impak alam sekitar dilaksanakan dengan sepenuhnya keatas sumber air. • Mengerat kerjasama dengan agensi yang relevan dan pihak berkepentingan untuk menjalankan program latihan untuk komuniti.
L3	Pemantauan	Pemantaun sosial: <ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan pematuhan. • Pemantauan impak.

3.5.6 Pemantauan Kepatuhan

Langkah	Aktiviti	Isu
L1	Penilaian impak kualiti sumber air	Impak sosial yang utama: <ul style="list-style-type: none"> • Memantau sendiri impak keatas sumber air dan kualiti air. • Mengenalpasti sumber bekalan air tidak terhakis dengan teruk melalui perbincangan bersama pemimpin masyarakat dan agensi kerajaan yang berkenaan, LUAS dan pihak swasta pembekal air yang diproses bagi penduduk kampung untuk membentuk peraturan berkaitan penggunaan sumber air.
L2	Sumber hutan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan sendiri oleh pengurus berhubung dengan pematuhan peraturan <i>Environmental Impact Assessment</i> (EIA) dan MC&I berkaitan konservasi sumber. • Menilai kaedah untuk mencegah pencerobohan di kawasan sumber hutan.

Langkah	Aktiviti	Isu
		<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan analisis impak alam sekitar dilaksanakan dengan sepenuhnya keatas sumber air. • Melawat komuniti secara berkala untuk mendapat maklum balas tentang pematuhan peraturan penggunaan air.
L3	Pekerjaan dan Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan sendiri oleh pengurus berhubung dengan pematuhan peraturan AIAS (EIA) dan MC&I berkaitan konservasi sumber oleh pihak yang diberi lesen pembalakan. • Menilai kaedah untuk mencegah pencerobohan di kawasan sumber hutan. • Pastikan analisis impak alam sekitar dilaksanakan dengan sepenuhnya keatas sumber air. • Melawat komuniti secara berkala untuk mendapatkan maklum balas tentang pematuhan peraturan penggunaan air dan latihan yang diberi untuk pengeluaran hasil berkaitan sumber hutan.
L4	Landskap dan suasana alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan sendiri oleh pengurus berhubung bagi memastikan yang kawasan hutan masih mengekalkan ciri HCV dan persekitaran yang terjaga untuk pembangunan ekopelancongan.
L5	Peluang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang dengan pemimpin komuniti tentang kesediaan anak buah untuk berkerja di sektor luar dari kawasan kampung.
L6	Kesihatan dan keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan sendiri oleh pengurus bekerjasama dengan agensi yang relevan dan JKKK untuk memastikan impak negatif operasi pengurusan hutan tidak menandatangani akibat buruk kepada masyarakat. • Berkerjasama dengan pihak PERHILITAN untuk memastikan konflik dapat diatasi secara berkesan.
L7	Kesan keatas kemahiran tradisional	<ul style="list-style-type: none"> • Berkerjasama dengan pihak JAKOA untuk memastikan yang masyarakat Orang Asli masih dapat mengekalkan kebolehan dan kemahiran untuk menghasilkan produk tradisional.
L8	Tapak sejarah dan budaya	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan sendiri oleh pengurus untuk memastikan yang masyarakat Orang Asli tidak kehilangan atribut sejarah dan kawasan arkeologi disebabkan operasi pengusahaan hutan.
L9	Keselamatan dan kesihatan berkaitan dengan jalan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan sendiri oleh pengurus untuk memastikan jalan balak yang dibina terjaga dan diselenggara cara teratur untuk mengelak kemalangan semasa operasi penghasilan hutan.

3.5.7 Pemantauan Impak

Langkah	Aktiviti	Isu
L1	Bekalan dan kualiti air	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan sendiri oleh pengurus untuk memastikan kualiti air yang diguna oleh masyarakat tidak terganggu disebabkan peningkatan jumlah pepejal terampai. Memantau kaedah untuk mempertingkatkan kualiti air yang terganggu.
L2	Sumber hutan	<ul style="list-style-type: none"> Mendapat maklumat dari penduduk mengenai status sumber hutan yang penting untuk kegunaan komuniti pos-pengusahasilan.
L3	Peluang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> Berkerjasama dengan agensi yang berkenaan untuk memastikan komuniti mempunyai peluang pekerjaan baharu pos-pengusahasilan.
L4	Kesihatan dan keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> Berkerjasama dengan agensi berkenaan untuk memastikan kesihatan komuniti terlibat masih terjamin baik. Memastikan kehidupan harian komuniti tidak terganggu oleh konflik hidupan liar dengan bantuan pihak PERHILITAN.
L5	Kemahiran dan pengetahuan tradisional komuniti OA	<ul style="list-style-type: none"> Berkerjasama dengan pihak JAKOA untuk mengenalpasti impak program latihan serta program bagi meningkatkan kemahiran komuniti menjalankan aktiviti komersial dan mendapat pampasan yang setimpal daripada orang luar yang menggunakan khidmat dan pengetahuan komuniti Orang Asli.

3.5.8 Teknik Pemantauan

Langkah	Teknik	Isu
